فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"FAHAMILAH bahawa ibadat sembahyang itu adalah fardu ain, wajib ditunaikan pada waktunya. Ada pun apa jua program atau acara, tidak boleh jadi alasan untuk meninggalkan sembahyang."
- Titah Sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita BRUNEI

فليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA sembahyang itu adalah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya."
- (Surah An Nisaa', ayat 103).

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.57 | 5.07 | 6.24 | 6.46 | 12.28 | 3.35 | 6.31 | 7.40 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 35 | 22 MAC 2017 / 1438 جمادى الأخير 23 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017 / 2018 diluluskan

**Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Seri Setia Haji Mohamed Taib semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 di Bangunan Dewan Majlis - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 telah meluluskan peruntukan belanjawan negara sejumlah lima ribu tiga ratus juta ringgit Brunei (BND5,300,000,000.00) bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018.

Ahli-Ahli MMN sebulat suara meluluskan peruntukan berkenaan pada hari ke-11 persidangan yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis dengan dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Perkara VI (Enam), iaitu Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017 / 2018 yang telah dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan dan dijadikan satu Akta yang bergelar :

"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2017 / 2018, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Sesi persidangan tersebut telah meluluskan Ketetapan Pertama yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, iaitu sebanyak Tiga Puluh Satu (31) Perintah-Perintah yang telah disenaraikan dan Perintah-Perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Ke muka 5

# Empat program diperuntukkan di bawah RKN11

**Laporan : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**



MENTERI Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menekankan betapa pentingnya untuk kita semua mencari jalan yang terbaik untuk mengatasi isu pengangguran.

Menurut Yang Berhormat, perkara tersebut boleh dimajukan bersama-sama dan kita boleh bersama-sama menghalang kemajuannya sekiranya kita sentiasa mengkritik setiap langkah yang dibuat mengenainya.

"Alangkah baiknya bagi kita semua untuk melawat 'Job Centre Brunei' yang kini dibuka enam hari seminggu dan memberikan maklum balas yang konstruktif supaya pihak kerajaan akan dapat memperbaiki usaha-usaha murni untuk mendapatkan pekerjaan bagi anak-anak tempatan kita," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat berucap demikian semasa membentangkan ucapan balas semasa bersidangnya Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di sebelah petang.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, satu strategi yang menyeluruh telah disediakan bagi pembangunan tenaga manusia di peringkat kebangsaan seperti dalam titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN, di mana Program Apprenticeship graduan I-RDY akan bermula pada bulan April ini.

Ke muka 7



Muka 4

LEBIH 400 pengakap sertai Perkhemahan Pengakap Kebangsaan Ke-22



Muka 12

SAMBUTAN Hari Air Sedunia diraikan

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

# Rakyat sihat, negara makmur

ALHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, taufik serta keizinan-Nya jua Majlis Sesi Muzakarah dapat diadakan di antara Kementerian Kesihatan bersama Ahli-Ahli Mailis Mesyuarat Negara (MMN). Peramba / kaola / saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas kesudian hadir ke Sesi Muzakarah pada petang ini. Semoga peluang pencambahan fikiran ini akan dapat membawa manfaat yang besar kepada kita semua dalam memantapkan dan mengukuhkan lagi tahap serta kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini.

Abis peramba / kaola / saya di kesempatan ini juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas limpah kurnia lantikan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli MMN oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Rabiulakhir 1438 Hijrah bersamaan 13 Januari 2017 Masihi yang lalu. Kurnia lantikan tersebut sesungguhnya adalah satu pengiktirafan kepada kepimpinan, jasa sumbangan dan kewibawaan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam memberikan khidmat kepada Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, peramba / kaola / saya ingin menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-11 MMN 2015, di mana baginda yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian akan dapat menghidangkan 'idea-idea besar' untuk kemajuan negara. lni adalah kerana menurut baginda, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik adalah merupakan tokoh-tokoh yang berkaliber, mampu mengetengahkan pendekatan-pendekatan terbaik untuk pembangunan dan berpandangan jauh.

Alhamdulillah, semenjak 20 tahun kebelakangan, kadar jangka hayat penduduk negara ini telah meningkat secara purata daripada 74 tahun kepada 77 tahun. Dalam pada itu, nisbah kematian ibu *(maternal mortality ratio)* di Negara Brunei Darussalam pada 2015 adalah antara yang terendah di ASEAN dan kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun *(under 5 mortality rate)* bagi setiap 1,000 kelahiran *(livebirths)* pada 2014 ialah 10 orang yang mana, adalah lebih baik daripada sasaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) melalui inisiatif Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals), iaitu untuk mengurangkan kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun kepada 25 orang bagi setiap 1,000 kelahiran menjelang 2030.

Di sebalik pencapaian-pencapaian ini, Negara Brunei Darussalam masih mengalami cabaran serta beban penyakit terutamanya penyakit-penyakit tidak berjangkit, seperti kanser, penyakit jantung, diabetes (kencing manis), strok (angin ahmar) dan tekanan darah tinggi. lni adalah sangat membimbangkan kerana kelima-lima penyakit tersebut adalah punca utama kematian di negara. Kadar berat badan berlebihan dan obesiti di negara ini juga adalah yang tertinggi di rantau ASEAN. Dengan situasi yang dihadapi ini, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha memberikan tahap perkhidmatan yang terbaik apatah lagi dalam memenuhi ekspektasi pelanggan sekarang yang semakin tinggi sesuai dengan perkembangan sosial dan ekonomi rakyat dan penduduk di negara ini.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa berucap pada Muzakarah Bersama Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 14 Jamadilawal 1438 Hijrah / 11 Februari 2017 Masihi, bertempat di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.**

Sehubungan ini, Kementerian Kesihatan semenjak tahun 2016 telah melaksanakan pelbagai usaha di bawah tiga (3) keutamaan strategik bagi tempoh 5 tahun (2016 - 2020) arah mencapai objektif Wawasan Brunei 2035 dan visi kementerian 'Bersama Ke Arah Warga Sihat', iaitu :

i. Menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua *(health is everyone's business)*.

ii. Mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs).

iii. Memberikan perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan *(consolidation)* dan pensejajaran *(realignment)* perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan demi memberikan nilai tambah kepada para pelanggan ataupun orang awam dan mengurangkan serta menghentikan pembaziran *(wastages)*.

Rakyat dan penduduk yang sihat akan membawa kemakmuran kepada negara. Dengan berpegang teguh kepada agama dan adanya nilai keBruneian yang tinggi, rakyat dan penduduk negara ini akan menjadi sumber tenaga manusia yang lebih berdaya tahan dan produktif. lni akan meningkatkan daya saing dan kedayatahanan ekonomi negara yang akan memberikan kesan kepada tahap pendidikan, kemahiran, inovasi dan peningkatan pelaburan di negara ini.

Hasrat untuk mempunyai rakyat yang sihat adalah tanggungjawab kita bersama. Dalam erti kata lain, impak terbesar ke arah mempunyai rakyat sihat hanya akan terjadi apabila setiap individu, kumpulan, ketua masyarakat, agensi-agensi kerajaan dan swasta, dan NGOs di negara ini bersatu dalam mengamalkan cara dan gaya hidup yang sihat.

Inilah gambaran *culture of health* ataupun 'membudayakan kesihatan'. *Culture of health* mempunyai interpretasi yang berlainan bagi setiap orang. Ia mungkin bermakna cara hidup seseorang atau masyarakat yang sihat, akses mudah kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi ataupun mudahnya untuk mendapatkan pilihan makanan yang sihat. *Culture of health* akan :

**Ke muka 3**

***DI sebalik pencapaian-pencapaian ini, Negara Brunei Darussalam masih mengalami cabaran serta beban penyakit terutamanya penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, diabetes (kencing manis), strok (angin ahmar) dan tekanan darah tinggi. lni adalah sangat membimbangkan kerana kelima-lima penyakit tersebut adalah punca utama kematian di negara. Kadar berat badan berlebihan dan obesiti di negara ini juga adalah yang tertinggi di rantau ASEAN. Dengan situasi yang dihadapi ini Kementerian Kesihatan akan terus berusaha memberikan tahap perkhidmatan yang terbaik apatah lagi dalam memenuhi ekspektasi pelanggan sekarang yang semakin tinggi sesuai dengan perkembangan sosial dan ekonomi rakyat dan penduduk di negara ini.***

## Dari Sidang Pengarang.

22 MAC 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الأخير 23

### BELANJAWAN NEGARA DUKUNG LIMA FOKUS UTAMA

MUSIM Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di bawah pimpinan bijaksana Yang Di-Pertua MMN,Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib telah berlangsung selama 11 hari di Bangunan Dewan Majlis. Atas pimpinan Yang Dipertua MMN memandu permesyuaratan ini dengan 'effective', lancar lagi sempurna dan dalam suasana tenang dan harmoni, penuh kesabaran, terbuka dan semangat muhibah, permesyuaratan telah dapat menjuruskan perbincangan kepada isu-isu strategik dan berkeutamaan, sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah institusi yang menjadi lambang keunggulan sistem kerajaan di negara ini.

Di akhir permesyuaratan, Rang Undang-Undang Perbekalan, 2017 / 2018, yang telah dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, telah meluluskan dan dijadikan satu Akta yang bergelar "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan wang Yang Disatukan bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2017 / 2018, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Ke arah mendukung tema belanjawan Tahun Kewangan 2017 / 2018, termasuk peruntukan bagi kumpulan kemajuan dicadangkan keseluruhannya, sebanyak lima ribu tiga ratus juta ringgit Brunei ($5,300,000,000.00) telah diluluskan di Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN 2017 ini yang juga memberikan tumpuan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan dijuruskan kepada mendukung lima fokus utama.

Lima fokus utama itu adalah 'prudent spending' ataupun perbelanjaan berhemat, meningkatkan produktiviti negara, memudah cara perniagaan, membina kapasiti dan modal insan dan memelihara kesejahteraan awam.

Semua jumlah tersebut sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua) adalah mengambil kira unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi tahun berkenaan selaras dengan usaha dalam menangani defisit belanjawan. Namun, cadangan jumlah perbelanjaan ini adalah masih jauh lebih tinggi, berbanding anggaran hasil kerajaan, iaitu mengambil kira kepada keperluan perbelanjaan bagi program dan projek yang dirancang kerajaan.

Namun, apa yang penting usaha-usaha untuk meningkat hasil kerajaan juga perlu dipergiatkan agar program dan projek yang dikenal pasti bagi perkembangan, termasuk sosioekonomi negara akan terus dapat dilaksanakan.

Manakala keutamaan-keutamaan 'prudent spending' ataupun perbelanjaan berhemat itu antaranya ialah langkah pengawalan perbelanjaan kerajaan yang telah dilaksanakan termasuk mengemaskinikan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan bagi pengawai-pegawai kerajaan yang menghadiri kursus-kursus dan persidangan di luar negara; meneliti bagi 'right-sizing' Perkhidmatan Awam; meneliti perbelanjaan-perbelanjaan 'utility' yang boleh menjimatkan, seperti penggunaan elektrik, air, telefon dan lain-lain.

Sementara keutamaan belanjawan kedua ialah meningkatkan produktiviti negara, di mana penekanan akan terus diberikan kepada produktiviti Perkhidmatan Awam dan sektor swasta. Kedua-dua sektor ini perlu saling memerlukan dan berhubung kait bagi mencapai hasrat negara, seperti yang ditetapkan di dalam Wawasan Brunei 2035 dengan melaksanakan 'whole of nation approach'. Seterusnya dalam fokus belanjawan yang ketiga, iaitu memudah cara perniagaan, di mana kerajaan telah melaksanakan pindaan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan, serta pengemaskinian proses-proses dan prosedur-prosedur dengan matlamat untuk memudah cara perniagaan di negara ini.

Seterusnya keutamaan belanjawan keempat, iaitu membina kapasiti dan modal insan, di mana modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah sumber utama yang diperlukan untuk perkembangan dan kemajuan negara secara progresif. Ke arah itu, usaha berterusan diperlukan bagi mempersiapkan golongan belia menjadi satu keutamaan dalam perancangan bagi pembangunan dan perkembangan sosioekonomi negara.

Keutamaan belanjawan yang kelima, ialah meningkatkan kesejahteraan awam, yang mana peruntukan-peruntukan bersesuaian akan terus disediakan di bawa fokus ini antaranya dalam memastikan perkhidmatan kesihatan berkualiti terus disediakan.

Apa yang penting, kita selaku rakyat dan penduduk negara ini perlu terus mendukung dan menyambut baik apa jua usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memang bertujuan untuk kesejahteraan dan keharmonian kehidupan rakyat dan penduduk negara ini. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

Ramalan Cuaca 3 Hari

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 31°C 24°C | 31°C 24°C | 31°C 24°C |
| MUARA | 31°C 24°C | 31°C 25°C | 31°C 24°C |
| PEKAN BANGAR | 31°C 24°C | 31°C 25°C | 31°C 24°C |
| PEKAN TUTONG | 31°C 24°C | 32°C 25°C | 31°C 24°C |
| PEKAN SERIA | 31°C 25°C | 32°C 25°C | 31°C 24°C |
| KUALA BELAIT | 31°C 25°C | 32°C 25°C | 31°C 24°C |

Talian Cuaca 114

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi MAC | HARI | Hijrah JAMADILAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22 | RABU | 23 | 4.57 | 5.07 | 6.24 | 6.46 | 12.28 | 3.35 | 6.31 | 7.40 |
| 23 | KHAMIS | 24 | 4.56 | 5.06 | 6.23 | 6.45 | 12.28 | 3.34 | 6.31 | 7.40 |
| 24 | JUMAAT | 25 | 4.56 | 5.06 | 6.23 | 6.45 | 12.28 | 3.33 | 6.30 | 7.39 |
| 25 | SABTU | 26 | 4.55 | 5.05 | 6.22 | 6.45 | 12.27 | 3.32 | 6.30 | 7.39 |
| 26 | AHAD | 27 | 4.55 | 5.05 | 6.22 | 6.44 | 12.27 | 3.31 | 6.30 | 7.39 |
| 27 | ISNIN | 28 | 4.54 | 5.04 | 6.21 | 6.44 | 12.27 | 3.30 | 6.30 | 7.39 |
| 28 | SELASA | 29 | 4.54 | 5.04 | 6.21 | 6.43 | 12.26 | 3.29 | 6.30 | 7.39 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN: AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Doa Selamat sempena Hari Hutan Antarabangsa 2017



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (empat, kiri) semasa hadir pada Majlis Doa Selamat dan Membaca Surah Yaa Siin yang turut diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah sempena Hari Hutan Antarabangsa 2017.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Doa Selamat dan Membaca Surah Yaa Siin yang turut diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah sempena Hari Hutan Antarabangsa 2017 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Juga hadir sama, Setiausaha Tetap KSSUP, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; Pemangku Pengarah Perhutanan, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Majlis.

Majlis yang dihadiri oleh lebih kurang 250 orang itu juga terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan KSSUP juga jabatan-jabatan di bawahnya serta para pengusaha di bawah sektor perhutanan.

Ia merupakan acara keagamaan yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan sebagai pembuka tirai bagi acara-acara sempena memperingati Sambutan Hari Hutan Antarabangsa tahun ini yang telah dirancang dan disusun oleh Jabatan Perhutanan.

HALUAN

## Rakyat sihat, negara makmur

Dari muka 2

i. Memastikan bahawa kesihatan akan menjadi keutamaan dalam semua aspek kehidupan kita baik dari segi permakanan, pendidikan, pekerjaan, pergaulan dan sebagainya.

ii. Memastikan semua individu dan keluarga adalah mempunyai peluang untuk membuat pilihan yang membawa kepada gaya hidup sihat.

iii. Memastikan setiap lapisan masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan tanpa mengira taraf sosial dan demografi.

iv. Memastikan keputusan dan apa jua dasar adalah dibuat demi memastikan kesihatan dan gaya hidup sihat akan dapat dipupuk bersama.

Apa pun jua pemahaman kita tentang *culture of health* ini, Abis peramba / kaola / saya ingin menekankan bahawa kesihatan yang baik itu adalah tanggungawab kita bersama. Ini setentunya memerlukan semua pihak untuk berganding bahu dalam sama-sama meningkatkan kesedaran dan nilai-nilai kesihatan di semua peringkat masyarakat. Perubahan sesuatu budaya mungkin saja mengambil masa tetapi tidak boleh berdiam diri sahaja, tetapi melakukan perubahan tersebut selangkah demi selangkah mulai dari diri kita sendiri. Contohnya, mulai hari ini, kita boleh melakukan sekurang-kurangnya satu atau keempat-empat tabiat sihat atau pun *healthy behaviours* seperti berikut :

i. Berhenti merokok, jika merokok.

ii. Makan secara bersederhana (*wisely and moderately*) pastikan setengah pinggan dipenuhi buah dan sayur, manakala suku dipenuhi dengan karbohidrat seperti nasi, dan suku lagi dipenuhi dengan protein seperti ikan, daging atau telur.

iii. Pastikan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran sekurang-kurangnya lima *portions* dalam sehari.

iv. Melakukan aktiviti fizikal selama 30 minit, sekurang-kurangnya seminggu.

Alangkah indahnya jika kita di kelilingi oleh budaya yang sihat yang dipenuhi dengan kegembiraan. Tidakkah kita semua ingin melihat anak cucu kitani generasi Brunei Darussalam, aset negara yang paling utama, dapat membesar dan hidup dengan sihat. Di sinilah abis peramba / kaola / saya ingin menyeru kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian untuk sama-sama memikul tanggungjawab dan memainkan peranan masing-masing dalam meningkatkan kesedaran awam (*public awareness*) tentang kepentingan menjaga kesihatan dan menekankan bahawa kesihatan adalah peranan semua *(health is everyone's business).*

Akhir kata, bagi pihak Kementerian Kesihatan peramba / kaola / saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih atas kesudian Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana sudi hadir pada Sesi Muzakarah ini. Apa jua pandangan dan nasihat yang berkaitan dengan kesihatan adalah 'hadiah' ataupun *gift* yang tidak ternilai kepada Kementerian Kesihatan yang sudah setentunya akan menyuntik lagi semangat warga kementerian ini dalam terus berjuang untuk memberikan tahap perkhidmatan kesihatan yang terbaik semata-mata untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sekian.

# Peguam Negara terima kunjungan hormat

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 21 Mac. - Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh menerima kunjungan hormat daripada Duta Pesuruhjaya Tinggi India, Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick bertempat di Bangunan Undang-Undang.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Yang Berhormat Peguam Negara dan PYT Nagma M. Mallick memperakui kerjasama erat antara kedua-dua negara serta peranan penting wanita dalam pembangunan negara dan bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai perkara undang-undang.

Turut hadir dalam kunjungan tersebut ialah Peguamcara Negara, Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji A. Rashid serta pegawai-pegawai kanan di Pejabat Peguam Negara.



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh (duduk, kiri) menerima kunjungan hormat daripada Duta Pesuruhjaya Tinggi India, Puan Yang Terutama Nagma M. Mallick bertempat di Bangunan Undang-Undang.

# Lebih 400 pengakap sertai Perkhemahan Pengakap Kebangsaan Ke-22

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (tengah) semasa menyempurnakan Pembukaan Perkhemahan Pengakap Kebangsaan Ke-22, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi bakat dan kemahiran dalam ilmu pengakap serta untuk mencetus minda yang bedaya maju, lebih daripada 400 ahli pengakap daripada beberapa buah negara menyertai Perkhemahan Pengakap Kebangsaan Ke-22, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) yang berlangsung di Pusat Latihan dan Kegiatan, PPNBD.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian perkhemahan berkenaan ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Turut hadir ialah Yang Di-Pertua PPNBD, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas; Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali; timbalan ketua pesuruhjaya pengakap, pesuruhjaya-pesuruhjaya pengakap, pesuruhjaya-pesuruhjaya pengakap daerah, pemimpin-pemimpin pasukan, para ahli-ahli pengakap serta jemputan khas.

Perkhemahan yang membawa tema, 'Membangun Keperibadian Generasi Muda Melalui Kaedah Berpengakap', disertai oleh ahli-ahli pengakap dari PPNBD, Persekutuan Pengakap Malaysia Cawangan Negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan serta Gerakan Pramuka Indonesia.

Perkhemahan tersebut yang melibatkan penyertaan daripada ahli-ahli Pengakap Tunas, Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana itu antara lain bertujuan bagi memberikan peluang kepada mereka untuk menimba pengalaman, kemahiran semasa berkhemah, bekerjasama dalam satu pasukan, membina sifat-sifat kepimpinan serta mengenali rakan sebaya baharu dengan semangat persaudaraan yang kukuh.

Selain itu, perkhemahan itu juga memberikan peluang kepada para peserta untuk mengaplikasikan pembelajaran ilmu pengakap mereka, membina jati diri serta sifat-sifat kepimpinan mereka dan seterusnya membentuk sifat juga sikap yang kental, cekal, berinisiatif serta produktif.

Menerusi pelbagai kegiatan yang dianjurkan sepanjang perkhemahan yang bermula dari 19 hingga 23 Mac itu, ia diharap dapat melahirkan barisan pelapis kepimpinan generasi masa depan.



ANTARA ahli pengakap yang menyertai perkhemahan tersebut.

## Belia negara hadiri Program Latihan Kepimpinan ASEAN Ke-45



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad (empat, kanan) bergambar bersama para belia sebelum berlepas meninggalkan negara bagi menghadiri Program Latihan Kepimpinan Belia ASEAN Ke-45 di Republik Rakyat China.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Seramai enam pemimpin belia dari pelbagai agensi termasuk persatuan-persatuan belia berlepas ke Republik Rakyat China bagi menghadiri Program Latihan Kepimpinan Belia ASEAN Ke-45 (45th ASEAN Young Leaders Training Program).

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan berkenaan, ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad.

Juga hadir, Kaunselor Kedutaan Besar China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Fu Fengshan.

Rombongan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Penolong Pegawai Perhubungan Awam, KKBS, Awangku Hussni bin Pengiran Hassan.

Sementara itu, Dayang Anna Sophia anak Angi dari International Graduates Studies (IGS) yang merupakan salah seorang peserta program ketika ditemui menjelaskan melalui program ini para peserta akan dapat mempelajari pelbagai budaya dan tradisi Republik Rakyat China.

Di samping itu katanya, selaku wakil negara beliau juga dapat mengongsikan adat tradisi Brunei Darussalam yang menarik serta konsep di Brunei Darussalam kepada peserta-peserta program yang lain.

Selaku pelajar, beliau berharap akan banyak mempelajari mengenai kepimpinan dari negara-negara lain dan akan mengongsikan dengan belia-belia negara setelah pulang ke tanah air nanti.

Program yang bermula 20 Mac hingga 16 April anjuran All-China Youth Federation bertujuan untuk mengetengahkan hubungan dan persefahaman bersama dalam kalangan belia Republik Rakyat China dengan negara-negara ASEAN, iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand yang mengambil tempat di Wilayah Yunnan dan Guangxi Zhuang, China.

Sepanjang program dijalankan, para peserta belia akan berpeluang mengikuti beberapa aktiviti seperti menghadiri kuliah, memahami dan mempelajari mengenai kebudayaan dan kesenian Republik Rakyat China, menghadiri International Youth Camp bersama para penuntut universiti di sana, membuat lawatan ke tempat-tempat bersejarah seperti Perkampungan Budaya Zhuang dan sebagainya.

Peserta belia juga akan berkesempatan memahami lebih dalam tentang organisasi dan kerja belia serta pembangunan China, di samping berpeluang menjalin persahabatan bersama belia-belia China.

## Jawatankuasa Hari Keputeraan perlu buat perancangan awal



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain (dua, kiri) semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 bagi Daerah Tutong.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**TUTONG,** Selasa, 21 Mac. - Jawatankuasa yang dilantik perlu membuat perancangan awal dan rapi pada mengambil kira cuti-cuti penggal persekolahan dan cuti-cuti awam bagi memastikan semua acara yang dirancang dan diungkayahkan terutama Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah ini akan dapat dilaksanakan dengan lancar, teratur dan sempurna bagi menjadikan acara-acara Hari Keputeraan sebahagian daripada wadah untuk memperteguh semangat patriotisme dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Perkara tersebut disampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain dalam ucapan alu-aluannya semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 bagi Daerah Tutong, bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Jelasnya, ia juga mencerminkan semangat perpaduan, persefahaman, keharmonian, permuafakatan, kerjasama dan sokongan serta membuktikan dorongan yang erat lagi padu serta taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jelas beliau lagi.

"InsyaaAllah, pada tahun ini, sekali lagi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Daerah Tutong diharap akan terus dapat mengenal pasti acara-acara baharu yang boleh meningkatkan perpaduan dan penyertaan semua peringkat masyarakat di daerah ini tanpa mengabaikan nilai-nilai konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir sebagai tanda kesyukuran serta menyokong kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," tambahnya lagi.

Antara agenda mesyuarat tersebut ialah membincangkan persediaan acara-acara rasmi sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-71 bagi daerah ini.

Mesyuarat juga membincangkan cadangan acara-acara sektoral termasuk acara-acara keagamaan, kesukanan dan kemasyarakatan serta Majlis Khatam Al-Quran 71 Kali Khatam bagi Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung.

Antara lain tujuan mesyuarat tersebut diadakan adalah bagi melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi dan Pengerusi Pengerusi Acara Keraian Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-71 bagi Daerah Tutong, Tahun 2017.

Juga hadir pada mesyuarat tersebut, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya; pegawai-pegawai kanan kerajaan; ahli-ahli jawatankuasa tadbir tertinggi, pengerusi-pengerusi acara keraian perayaan serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung daerah ini.

# Syarikat Pelaburan Langsung Asing sediakan lebih 1,000 pekerjaan

## Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017 / 2018 diluluskan

Dari muka 1

"Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai Kertas Nombor 1 Tahun 2017 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah-Perintah itu diluluskan."

Sesi persidangan hari ini juga meluluskan Ketetapan Kedua yang dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim yang berbunyi :

"Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Kumpulan wang Kemajuan (Penggal 136) bahawa perbelanjaan sejumlah 1,000,000,000.00 (Satu ribu juta ringgit) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan wang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2017 / 2018, dibentangkan sebagai Kertas Bil. 2 Tahun 2017."

Akta Kumpulan wang Kemajuan tersebut mula berkuat kuasa pada 1 April 2017.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ditangguhkan dan Ucapan Penangguhan pertama didahului oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Seramai 26 Ahli Yang Berhormat MMN ikut serta di dalam Sesi Ucapan-ucapan Penangguhan.

**Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Kehadiran Syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing sejauh ini tidak dinafikan telah dapat menyumbang pada pertumbuhan ekonomi negara.

Dari segi pekerjaan, dari 17 buah syarikat luar negeri yang sudah beroperasi telah dapat memberikan sumber pekerjaan kepada 1,321 orang pekerja tempatan atau pun 58 peratus dari keseluruhan jumlah pekerja.

Malah sebilangan syarikat mengambil berkhidmat lebih ramai tenaga tempatan dibanding tenaga luar negeri seperti Syarikat Brunei Methanol Corporation (BMC) dengan 203 pekerja tempatan berbanding dengan 26 pekerja luar negeri, Simpor Pharma dengan 63 peratus pekerja tempatan, Beibu Ports Maintenance dengan 80 peratus, sementara HLDS dengan 66 peratus pekerja tempatan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyentuh perkara tersebut dalam Ucapan Penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN yang bersidang di Bangunan Dewan Majlis, di sini.



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.**

Dalam sektor-sektor tertentu menurut Yang Berhormat, nisbah pekerja asing adalah sedikit tinggi, seperti Syarikat Hengyi dalam mana sehingga kini terdapat 328 atau pun 52 peratus pekerja tempatan dan Projek Jambatan Temburong yang mengambil berkhidmat 151 orang atau 42 peratus.

"Sebenarnya, dalam beberapa sektor pekerjaan kita masih mempunyai nisbah pekerja asing yang tinggi. Berasaskan Banci Majikan dan Pekerja 2015 dalam 19 sektor pekerjaan terdapat 82,739 pekerja asing. Terdapat 64 peratus dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan 78 peratus, pembuatan 79 peratus, pembinaan 87 peratus dan aktiviti penyediaan tempat tinggal dan pemakanan 70 peratus. Ini bermakna dalam bidang tertentu, kita masih kekurangan tenaga kerja yang mahir, berpengalaman pada tahap yang mencukupi," ujar Yang Berhormat.

Oleh itu, ujar Yang Berhormat, kita masih memerlukan sumbangan tenaga luar negeri untuk melaksanakan kerja-kerja berkenaan agar menjadikan negara kita lebih kompetitif dan bukan mengenepikan tenaga tempatan.

"Di sinilah letaknya keperluan bagi tenaga tempatan untuk mengisi ruang-ruang ini dengan latihan dan bimbingan secara berterusan untuk mengasah kemahiran dan meningkatkan pengalaman selaras dengan dasar pemBruneian tenaga kerja di negara ini sepertimana salah satu fokus strategik, iaitu meningkatkan kualiti dan model insan," tambah Yang Berhormat.

Menyedari akan hal itu, kerajaan telah mengambil langkah untuk mewujudkan beberapa program atau inisiatif untuk memastikan tahap kemahiran dapat dicapai mengikut bidang-bidang tertentu dengan pengenalan Industrial Compentencies Framework dan program-program latihan kemahiran menerusi institusi pendidikan dan latihan.

Sehubungan dengan ini juga jelas Yang Berhormat, kita di dewan ini menyambut baik Program Apprenticeship atau I.Ready yang akan memberi pengalaman bekerja kepada graduan membina pengalaman dan keupayaan serta meningkatkan *marketability* dan mengurangkan *mismatching.*

Yang Berhormat berkata, kita berharap peluang seperti ini akan dapat dimanfaatkan oleh para graduan dengan keazaman demi kebaikan diri sendiri dan meningkatkan kapasiti sumber tenaga tempatan.

Dalam hubungan tenaga manusia tambah Yang Berhormat, kita perlu merenung secara serius titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa sumber tenaga tempatan masih sahaja bermasalah.

Menurut Yang Berhormat lagi, juga jadi masalah ialah dapat bekerja di sektor swasta, tetapi tidak kekal lama hanya sebulan atau seminggu dua sahaja sudah berhenti balik semula menjadi penganggur.

"Kita percaya akan kesungguhan sebahagian besar pengusaha tempatan untuk mengutamakan dan mengambil berkhidmat dan melatih tenaga tempatan. Kita juga mengakui kesediaan syarikat luar negara untuk mengambil berkhidmat tenaga tempatan. Akan tetapi kerana ketiadaan tenaga tempatan yang bersesuaian, kekosongan ini akhirnya terpaksa diisi oleh tenaga luar negeri," tambah Yang Berhormat.

Dengan segala usaha mempermudah dan berbagai-bagai galakan dan insentif yang dihulurkan disediakan kerajaan, jika peluang-peluang ini tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh tenaga tempatan bukanlah salah 'ibu mengandung', ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.**

## Rakyat diseru dukung usaha kerajaan

**Laporan : Nooratini Hj Abas**
**Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Semua rakyat dan penduduk di negara ini diseru supaya terus mendukung serta menyambut baik akan usaha-usaha juga inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyeru demikian semasa membentangkan Ucapan Menggulung Perbahasan pada Sesi Penutup Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Justeru itu, jelas Yang Berhormat, kita perlu bergerak dan bertindak dalam satu barisan yang bersepadu, berkayuh ke destinasi yang sama, selaras dengan pendekatan *whole of nation approach* agar kesejahteraan yang kita nikmati itu akan dapat terus terpelihara dan berkekalan kepada generasi yang akan datang.

Dengan tekad dan azam yang jitu tambahnya serta dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita bukan sahaja akan dapat mengharungi cabaran masa kini dengan jayanya, malah akan dapat mewujudkan satu masyarakat perkasa yang dinamik, *resilient,* kukuh dan harmoni, dengan semua usaha yang dirancang.

"Alhamdulillah, di sepanjang persidangan ini, beberapa cadangan membina dan bernilai tambah juga telah dibawa ke dalam perbincangan dewan ini.

Ini termasuklah cadangan dan saranan yang boleh membantu usaha-usaha kerajaan untuk mengembangmajukan lagi sektor swasta dalam menjana aktiviti ekonomi di negara ini dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan," ujarnya.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua) juga tertarik dengan cadangan-cadangan mengenai bagaimana NGOs serta para belia boleh melibatkan diri dan seterusnya memberikan sokongan juga menghulurkan sumbangan secara sukarela.

"Apa jua saranan dan maklum balas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat amatlah kaola hargai dan ia, InsyaaAllah akan dijadikan sebagai nilai tambah dan *input* dalam sebarang penelitian dasar dan strategi yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan, khususnya di JPM dan Kementerian Kewangan berasaskan keutamaan dan keperluan," menurutnya lagi.

Namun demikian, Yang Berhormat menjelaskan, di mana terdapat juga isu-isu yang ditimbulkan tidak berasaskan pada data dan fakta yang betul serta *up-to-date*.

Oleh itu, Yang Berhormat berpendapat agar ia perlu diambil perhatian sewajarnya bagi mengelakkan kekeliruan, bukan sahaja kepada orang ramai, tetapi juga kepada pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini.

"Malahan terdapat juga saranan-saranan yang ditimbulkan di dalam dewan ini nampaknya dibawakan tanpa sebarang kajian yang secukupnya mengenai punca berlakunya isu berkenaan dan kesan yang mungkin timbul jika saranan tersebut dilaksanakan," jelasnya.

Menurutnya, jika tidak dikawal dikhuatiri perkara itu boleh membantutkan usaha kerajaan untuk menarik pelabur asing dan menjejaskan keharmonian masyarakat serta kewibawaan dewan berkenaan.

# Teruskan usaha tingkatkan produktiviti negara



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menegaskan bahawa sebarang usaha yang akan dilaksanakan tidak akan tercapai tanpa adanya kerjasama dan kesepaduan semua pihak yang menjayakannya.

Di samping itu, tegas Yang Berhormat, kita juga perlu bijak menangani sumber yang sedia ada, selain meraih peluang-peluang lain di hadapan baik di arena global, serantau mahu pun di dalam negeri.

Dalam menangani isu kepentingan rakyat, sebarang usaha penambahbaikan merupakan sokongan dan dukungan semua pihak sama ada secara dalaman dari jabatan-jabatan di bawah kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dengan penyertaan semua peringkat masyarakat dan pihak-pihak yang berkepentingan seperti NGOs, iaitu menjurus kepada *a whole of nation approach.*

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan demikian semasa menyampaikan Ucapan Penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di sebelah pagi di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu menurut Yang Berhormat, kedudukan ekonomi negara ini yang mengalami defisit sejak 3 tahun yang lalu, mengajar kita untuk membuat perubahan, berubah dan berusaha gigih, mencari dan meneroka sumber-sumber pendapatan lain dan lebih berhemah dalam perbelanjaan.

"Kita perlu menukar isu dan cabaran krisis kewangan ini sebagai peluang (*opportunities*). Pada saya, ia mengajak kita untuk mengubah sikap memperkukuh jati diri kita supaya lebih gigih berusaha dengan lebih bersemangat dan iltizam dan tidak mudah berputus asa," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, sejarah telah membuktikan bahawa nasib mereka yang dilanda kesusahan dan kesempitan menjadi orang yang berjaya di penghujungnya dengan berbekal semangat kecekalan dan keyakinan diri.

Mereka yang menjadi *boat people* ujar Yang Berhormat tidak mendampar di negara tempat mereka terdampar, hanya bergantung pada bantuan, tetapi berjaya hidup menjadi pengusaha-pengusaha yang berjaya di negara terdampar dengan usaha gigih.

"Di sinilah perlunya kita berusaha menumpukan fokus bagi membina kapasiti dan model insan untuk Negara Brunei Darussalam. Model insan yang berjiwa besar yang berkualiti dan produktif yang akan dapat meningkatkan produktiviti negara. Kita menjadi bangsa yang berjiwa besar. Selaku umat Islam, kita mesti mencontohi jati diri dan kewibawaan umat Islam pada zaman Nabi dan Zaman Kegemilangan Islam Abad Ke-8 hingga Abad Ke-11," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai penglibatan orang-orang Melayu dalam perniagaan, di mana kerajaan sememangnya sudah lama memberikan perhatian dan dukungan bagi melahirkan dan memajukan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Melayu, iaitu sejak tahun 80-an dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Ekonomi yang kemudian dikembangkan menjadi Islamic Development Bank.

Menyedari akan hakikat ini jelas Yang Berhormat, penubuhan Bank SME adalah disambut baik yang objektifnya adalah untuk membimbing, membantu dan memajukan peniaga-peniaga mikro kecil dan sederhana agar membolehkan mereka untuk meneruskan dan memperkembangkan perniagaan mereka ke peringkat yang lebih maju dan berupaya menyumbangkan pada kemajuan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ia memerlukan komitmen perubahan minda dan sikap orang-orang kita agar memanfaatkan kemudahan yang ditawarkan oleh Bank SME dengan penuh bijak.

"Kita perlu terus membudayakan *financial literacy* dalam kalangan segenap lapisan masyarakat kita. Kita semua perlu mengamalkan sikap berbelanja secara berhemah. Dalam melaksanakan program-program dan aktiviti perkhidmatan, kita perlu meneroka perancangan yang melibatkan *stakeholders* di luar kelaziman dengan kaedah kreatif dan inovatif serta penggunaan aset atau infrastruktur yang sedia ada," terang Yang Berhormat.

Pada persidangan hari ke-11 itu, ahli-ahli yang terdiri daripada Ahli-Ahli MMN yang dilantik turut menyampaikan Ucapan-ucapan Penangguhan.



MAHASISWA dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali semasa hadir pada persidangan tersebut.

# Keseimbangan fiskal jangka masa pendek keutamaan kerajaan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Laporan : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Dalam keadaan ekonomi negara yang terus mengalami cabaran harga minyak dan gas yang rendah, salah satu keutamaan kerajaan, dalam jangka masa pendek ini ialah untuk mencapai keseimbangan fiskal.

Ke arah itu, dalam pengurusan kewangannya, kerajaan akan terus mengamalkan dasar perbelanjaan berhemah (*prudent spending*) dan seterusnya memastikan perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan akan memberikan manfaat serta impak yang optima kepada seluruh masyarakat di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika berucap dalam Ucapan Menggulung Perbahasan pada Sesi Penutup Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 di Bangunan Dewan Majlis, di sini, juga menjelaskan corak dan keutamaan perbelanjaan perlu di *rationalise dan diseimbangkan.*

Sehubungan itu, Pembentangan Cadangan Belanjawan Tahun 2017 / 2018, menggariskan fokus-fokus utama perbelanjaan kerajaan, antaranya termasuklah untuk mendukung dasar mempelbagaikan ekonomi negara, di samping meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran rakyat serta penduduk negara ini.

Hal itu menurutnya, kerana sektor swasta yang kukuh akan bertindak menjadi jentera peneraju pertumbuhan ekonomi yang diharapkan akan dapat menyumbang pada peningkatan pelaburan modal dan akan menjana lebih banyak peluang-peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan.

Selaras dengan perancangan dan keperluan inilah jua, katanya, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang diperlukan, walaupun diunjurkan akan terus mengalami kedudukan defisit bagi Tahun Kewangan 2016 / 2017 ini dan Tahun Kewangan yang akan datang (2017 / 2018).

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, di tahun-tahun sebelumnya masih lagi berharap dan tertunggu-tunggu untuk mendengar lebih banyak cadangan serta saranan bernilai tambah daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Cadangan dan saranan bernilai tambah itu jelasnya, yang berhubung kait dengan cara untuk mengawal situasi defisit pada masa ini, sama ada dari segi meningkatkan hasil, mahu pun mengurangkan perbelanjaan kerajaan.

"Ini terutama mengambil kira keadaan harga minyak di pasaran global yang dijangka akan berterusan mengalami tekanan dalam jangka waktu yang panjang," terangnya lagi.

Justeru itu, Yang Berhormat berpendapat di sinilah letaknya peranan semua pihak untuk bersatu padu dan bersatu hati, sebagai pendekatan *whole of nation* untuk sama-sama membantu kerajaan dalam meringankan beban dari kemelut ekonomi.

# Tunggakan pengguna jika dilunaskan ringan beban kerajaan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.




**Laporan : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, jumlah tunggakan daripada pengguna-pengguna yang terdiri daripada pihak swasta dan orang ramai kepada agensi-agensi kerajaan setakat ini keseluruhannya adalah berjumlah kira-kira BND461 juta.

Tunggakan itu, jika dilunaskan, akan dapat juga meringankan tanggungan perbelanjaan kerajaan dalam menampung keperluan operasi pemberian perkhidmatan tersebut serta meningkatkan lagi tahap perkhidmatan tersebut mengikut keperluan semasa.

Dalam hal tersebut, Yang Berhormat semasa berhujah pada Ucapan Menggulung Perbahasan pada Sesi Penutup Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 di Bangunan Dewan Majlis, di sini, menjelaskan, memohon kerjasama dan jasa baik Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama membawa ke perhatian anak buah dan komuniti masing-masing mengenai pentingnya tuntutan-tuntutan perkhidmatan kerajaan untuk dilunaskan dalam masa yang ditetapkan, semata-mata bagi keperluan bersama.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan dalam anggaran belanjawan yang disediakan, maklumat mengenai jumlah perbelanjaan yang perlu disediakan oleh kerajaan untuk terus menyediakan beberapa keperluan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air, perumahan dan sebagainya ada dinyatakan dengan jelas.

"Kebanyakan kemudahan dan keperluan asas ini telah dihulurkan oleh kerajaan secara subsidi, di mana perbelanjaan sebenar kerajaan adalah lebih tinggi dari bayaran yang dikenakan kepada penerima atau pengguna," ujarnya.

Tambahnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, seperti juga di tahun-tahun sebelumnya akan berterusan memberikan keutamaan dan penekanan pada usaha untuk mempelbagaikan asas sumber perekonomian dan pendapatan negara.

Yang Berhormat seterusnya menambah, antara inisiatif-inisiatif yang diambil termasuklah dalam menarik lebih banyak pelaburan-pelaburan langsung asing yang berkualiti; mengembangmajukan perusahaan-perusahaan tempatan, terutama Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana; memudah cara perniagaan termasuk mengemaskinikan dasar-dasar dan peraturan-peraturan berkaitan dan sebagainya yang sekali gus mendukung produktiviti negara.

"Kita semua amat bersyukur, dengan kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda telah memperkenankan pewujudan Program i-RDY khususnya bagi graduan-graduan tempatan yang masih mencari pekerjaan," katanya.

Terangnya, Program I-RDY yang akan dilancarkan bermula April 2017 nanti akan dapat memberikan manfaat bersama di antara peserta, pihak majikan dan pihak graduan yang mencari kerja itu sendiri.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua) seterusnya menjelaskan, bahawa majikan-majikan yang menyertai program tersebut akan dapat memanfaatkan ilmu dan kepakaran yang telah terdapat pada graduan-graduan tempatan untuk meningkatkan produktiviti perusahaan atau operasi mereka, manakala para graduan pula akan dapat meningkatkan kemahiran mereka, di samping menimba pengalaman-pengalaman yang amat berguna bagi meningkatkan prospek mereka dalam memperoleh pekerjaan.

Seterusnya, jelas Yang Berhormat, di peringkat negara, peningkatan produktiviti sektor swasta dan kerajaan akan dapat menyumbang pada peningkatan pendapatan dan kadar pertumbuhan negara.

# Pinjaman kewangan buka peluang pengusaha MSME

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Langkah kerajaan dalam menyediakan peluang pinjaman kewangan yang mudah didapatkan diharap akan menggalakkan lebih banyak lagi perusahaan baharu dibangunkan di negara ini dan membuka pelbagai peluang kepada pengusaha-pengusaha MSME untuk meneroka perancangan bagi perkembangan operasi mereka ke tahap aktiviti pengeksportan.

Usaha kerajaan untuk menubuhkan SME Bank, seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang mulia baru-baru ini, menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam mendukung perkembangan sektor swasta di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim seterusnya menjelaskan, kerajaan akan berterusan menyediakan peluang-peluang untuk meluaskan jaringan dan pendedahan melalui penyertaan di ekspo-ekspo perdagangan di dalam serta luar negara juga lain-lain.

Semua inisiatif tersebut jelasnya, termasuk yang diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM, selaku Pengerusi dan Sponsor PENGGERAK, yang mana mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat sektor perusahaan dan perniagaan di negara ini berkembang dengan pesat serta menyumbang secara lebih aktif pada perekonomian negara.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menyeru semua pihak majikan akan memberikan kerjasama yang padu bagi menjayakan program-program ini, dengan memberikan galakan dan imbuhan yang bersesuaian serta memelihara kebijakan pekerja-pekerja mereka agar lebih ramai lagi anak-anak tempatan akan bekerja di sektor swasta.

Yang Berhormat berucap demikian pada Ucapan Menggulung Perbahasan pada Sesi Penutup Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2017 di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat juga mengongsikan mengenai perubahan pada cukai kastam ke atas beberapa jenis barangan berkuat kuasa mulai 1 April 2017 semasa membentangkan Rang Anggaran Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2017 / 2018.

Jelasnya, penelitian dan pengemaskinian kadar-kadar cukai eksais tersebut katanya bertujuan untuk mencapai beberapa matlamat dalam meningkatkan sosioekonomi rakyat dan penduduk negara ini.

Antara matlamat tersebut termasuklah bagi mengurangkan beban perbelanjaan bagi golongan berpendapatan rendah; meningkatkan keselamatan bagi pengguna-pengguna jalan raya; menggalakkan permintaan domestik; mengawal penggunaan produk-produk tertentu yang boleh menjejaskan kesihatan awam; mengurangkan kos perniagaan dan lain-lain.

Menyentuh mengenai produktiviti negara pula, Yang Berhormat melahirkan rasa syukur dan berbangga, kerana waktu ini lebih ramai belia-belia tempatan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, termasuk perniagaan secara *online*. Sebahagian mereka melakukannya secara sambilan, manakala sebahagiannya pula melibatkan diri secara sepenuh masa.

Perkara itu katanya, adalah satu perkembangan yang amat menggalakkan, yang diharap menjadi inspirasi kepada belia-belia lain yang masih mencari pekerjaan atau menimbangkan untuk menceburi bidang ini. Apa yang lebih menarik ialah penyertaan belia-belia tempatan tersebut mengambarkan satu perubahan minda yang positif dengan kesediaan mereka untuk berusaha sendiri dan bukan semata-mata bergantung harap kepada pihak lain.

"Selaras jua dengan tumpuan untuk membantu perkembangan MSME di negara ini, pihak kerajaan, InsyaAllah, akan terus mengambil inisiatif-inisiatif yang bersesuaian bagi mendukung matlamat ini," menurut Yang Berhormat.

Langkah-langkah yang diambil itu katanya, adalah selaras dengan usaha berterusan Kerajaan Kebawah DYMM dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini terus terpelihara serta dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru para peniaga untuk tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang lebih tinggi dengan menetapkan harga barangan yang tidak selaras dengan perubahan kadar cukai eksais yang dikenakan.

Jika perkara sedemikian didapati berlaku, pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.



ANTARA yang hadir pada Persidangan MMN tersebut.

## Empat program diperuntukkan di bawah RKN11

**Dari muka 1**

Bagi membantu mencari kerja bukan graduan, ujar Yang Berhormat lagi, pihak kerajaan seterusnya berhasrat untuk memperluaskan lagi penyaluran pada latihan yang menjurus pada kompetensi anak-anak tempatan dengan penubuhan sebuah institusi yang memfokuskan pada 30 peratus ke 40 peratus peringkat bawahan untuk meningkatkan kemahiran mereka supaya menjadi *industry-ready.*

"Perkara ini sedang diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan dan akan dapat direalisasikan pada masa yang terdekat," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga memberitahu bahawa terdapat empat program lagi yang telah diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN11).

Menurut Yang Berhormat, program-program berkenaan adalah Program Learn and Grow seperti Rangka Kerja Kompetensi Industri dan Akreditasi Kemahiran; seperti pensijilan profesional dan program penempatan industri; 'Upskilling and Reskilling' bagi pencari kerja tempatan dalam pertengahan kerjaya dan 'Training Grants' yang membantu membiayai kos bagi kursus bagi pekerja tempatan di syarikat tempatan.

Jelas Yang Berhormat, program-program itu memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk meningkatkan kompetensi, kemahiran dan keupayaan mereka serta penempatan di sektor swasta dan dijangka akan dapat membantu anak-anak tempatan untuk mendapatkan pekerjaan.

# Kemelut ekonomi negara tambah efisiensi jentera kerajaan




Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



MENTERI Tenaga dan Perindustrian, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Kemelut ekonomi yang melanda negara dapat dilihat sebagai hikmah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ia kerana ia dapat membuka peluang bagi negara ini untuk memperbaiki dan menambahkan efisiensi jentera kerajaan serta memperkasakan sektor swasta.

Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menyatakan demikian dalam ucapan balasnya pada Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang, di sini.

Menurut Yang Berhormat, cara-cara kita mengatasi keadaan ekonomi mestilah berdasarkan prinsip dan nilai murni Melayu Islam Beraja (MIB) serta perlu menyelesaikan isu-isu dengan cara bermesyuarat.

"Kita perlu ingat bahawa raja kita bukan sahaja raja kepada orang Melayu, tetapi raja bagi seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang dikasihi," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengingatkan bahawa agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah agama Islam yang definisinya adalah Islam menurut Mazhab Shafie dari Ahli Sunnah Waljamaah seperti yang termaktub dalam Bahagian II, Perkara 3, Fasal (1), Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

"Dengan ini, tidaklah ada urusan kerajaan dari segi pendidikan atau yang lainnya yang berunsur sekular dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

# MIB masih dan akan terus kukuh

Laporan : Nurafizah @ Nurul Shadah Samat
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menegaskan Melayu Islam Beraja (MIB) di Negara Brunei Darussalam tidak pernah disenyapkan.

Menurut beliau, lebih 30 tahun buat pertama kali MIB itu disebut dalam Permasyhuran Kemerdekaan dan sudah banyak perkara yang telah dilakukan untuk MIB seperti menubuhkan Majlis Tertinggi Kebangsaan MIB selain dari menjadikan MIB sebagai Mata Pelajaran Teras dalam sistem pendidikan kebangsaan kita.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan ucapan balas pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada petang tersebut.

Semua itu jelasnya, menunjukkan teras kepentingan MIB telah diambil kira dan usaha-usaha untuk menerapkannya, dan memahamkannya, terus dipergiat sekali gus menyangkal MIB itu telah disenyapkan kerana yang nyata seminar MIB terus diadakan sejak ia mula disebut lagi.

Seminar tersebut katanya, adalah dapatan dari kertas kajian daripada ilmuwan dalam bidang sejarah budaya, bahasa dan pemerintahan.

"Kemudian, beberapa kajian hasil daripada kertas kerja seminar ceramah-ceramah telah dibukukan dan semua ini menunjukkan bahawa kita telah berusaha dengan baik dalam perkara MIB ini.

Kerana itulah kita sepatutnya berterima kasih dan selayaknya untuk menyebutkan hal ini dengan perasaan penghargaan yang tinggi. Memang sejak dari peringkat awal setelah Permasyhuran Kemerdekaan menyebutkan mengenai MIB ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat sekali lagi menolak kebimbangan masyarakat bahawa MIB itu telah disenyapkan kerana menurut Yang Berhormat lagi, ia adalah kembimbangan tidak berasas sedangkan sebenarnya MIB itu terus menerus diperkukuhkan.

Katanya, menerima konsep MIB itu sendiri adalah langkah-langkah yang paling jelas dan ketara walaupun tidak dirasakan oleh masyarakat umum, iaitu apabila kerajaan meminda Perlembagaan Tahun 1959 kerana dengan pindaan-pindaan itu kerajaan sebenarnya telah pun mengukuhkan MIB yang sedia ada.

Jelasnya, MIB itu tetap akan selamat dalam pangkuan kerajaan kerana selama ini MIB berfokuskan pada konsep dan nilainya.

Ia tambahnya, disertai dengan azam untuk mengisi kemerdekaan dan dalam pemasyhuran itu telah menyebutkan juga petunjuk kekal bahawa Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah negara MIB untuk selama-lamanya.

Yang Berhormat seterusnya menambah, bahawa dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhannahu Wata'ala negara akan sentiasa berusaha untuk memperolehi ketenteraman dan keselamatan serta kebajikan dan kebahagiaan.

# Perusahaan tempatan diperkasakan mempunyai kemampuan sendiri

Laporan : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Sebanyak BND142.3 juta telah pun dipinjamkan oleh pihak kerajaan kepada 654 usahawan melalui bantuan secara penghuluran pinjaman kewangan yang telah diadakan sejak tahun 1999.

Dari jumlah tersebut, sehingga kini sebanyak BND45.8 juta wang yang dipinjamkan belum dibayar balik.

Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menekankan perkara tersebut semasa menyampaikan ucapan balas pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung sebelah petang.

Menurut Yang Berhormat, walaupun pihak kerajaan mengakui kepentingan akan akses pada kewangan itu, beliau juga mengingatkan bahawa ia bukanlah penyelesaian yang komprehensif.

"Kita perlu fokus kepada memperkasakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) supaya ia dapat berdaya tahan dan menggunakan akses kepada *finance* dengan bijaksana," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menegaskan agar semua perusahaan-perusahaan tempatan diperkasakan untuk mempunyai kemampuan sendiri seperti membangunkan keupayaan dan pengetahuannya dari segi kualiti pelan perniagaan dan kemajuan bisnes.

"Ini juga perlu digabungkan dengan keperibadian pengusaha itu sendiri; kuat dan tegas, berdaya tahan dan tidak mudah berputus asa," kata Yang Berhormat.

Dengan memenuhi dua kriteria itu, jelas Yang Berhormat, para usahawan dengan sendirinya akan dapat meraih akses kewangan dari pelbagai institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam, bukan sahaja dari SME Bank.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pihak DARe akan sentiasa memainkan peranan penting dalam membina keupayaan dan memupuk kualiti pengusaha-pengusaha dalam usaha untuk memperkasakan PMKS berkenaan.

"Dengan membina keupayaan dan mendukung semangat keusahawanan, kita akan melahirkan PMKS yang lebih mapan dan berdaya saing, bukannya PMKS yang hanya hidup pada satu tender atau satu projek sahaja," terang Yang Berhormat.

# KSSUP terus berusaha menswastakan pengurusan kemudahan awam

Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong mencadangkan agar Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) yang berminat untuk mukim dan kampung mereka dimajukan sebagai destinasi pelancongan supaya menimba pengalaman dari kejayaan yang telah dicapai oleh beberapa MPMK di seluruh negara.

Menurut Yang Berhormat, kebanyakan dari mukim dan kampung tersebut telah berjaya tanpa bergantung pada perbelanjaan kerajaan melalui kerjasama serta kegigihan komuniti mukim dan kampung masing-masing.

Jelas Yang Berhormat, antaranya adalah Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Matan; MPK Sungai Bunga; MPK Kapok; MPK Katimahar; MPK Belimbing; MPK Masjid Lama, Sabun, Pelompong dan Pekan Muara; MPK Lurong Sikuna; MPK Tamoi; MPK Kiudang; MPK Tanjung Maya; MPK Lamunin; MPK Belais dan Buda-Buda; MPK Sumbiling Baru dan MPK Sibut.

"Sambil kita cuba membantu mukim dan kampung yang gigih memajukan mukim dan kampung masing-masing, kementerian tidak boleh mengabaikan destinasi-destinasi utama yang sedia ada ketika ini seperti destinasi Bandar Seri Begawan, Kampong Ayer dan destinasi Daerah Temburong," ujar Yang Berhormat.

Tambahnya, kualiti destinasi tersebut mesti selalu dijaga, dipelihara dan dikukuhkan supaya pengunjung-pengunjung tidak jemu mengunjunginya.

"Sebagai contoh, destinasi Daerah Temburong masih banyak kekurangan dari segi kemudahan tempat tinggal yang berkualiti tinggi terutama bagi sebahagian segmen pasaran," kata Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat turut menekankan bahawa tahap keselamatan kemudahan riadah serta aktiviti lasak di Batang Duri dan di Taman Ulu-Ulu adalah perlu dipantau setiap masa bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung ke tempat-tempat berkenaan.

"Kementerian juga berusaha untuk mengembangkan beberapa destinasi baharu yang difikirkan mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan calon bagi pakej pelancongan seperti pantai dan taman rekreasi perhutanan yang sudah dibangunkan," ujar Yang Berhormat.

Jelasnya, untuk memastikan kejayaannya dan bagi mengurangkan beban kerajaan, pihak kementerian akan terus berusaha untuk menswastakan pengurusan kemudahan awam di taman-taman berkenaan.

Tambah Yang Berhormat, kejayaan penswastaan ini adalah tertakluk pada wujudnya potensi untuk menjana keuntungan kepada pelabur-pelabur berkenaan.

# Jadual
# Akta Perbekalan 2017/2018 yang diluluskan

| *Tajuk* | *Gelaran* | *Jumlah yang diperuntukkan* |
|---|---|---|
| | **JABATAN PERDANA MENTERI** | |
| SA01A | Jabatan Perdana Menteri | $29,298,970.00 |
| SA02A | Jabatan Adat Istiadat Negara | $2,906,900.00 |
| SA03A | Jabatan Audit | $5,774,410.00 |
| SA04A | Biro Kawalan Narkotik | |
| SA05A | Biro Mencegah Rasuah | |
| SA06A | Jabatan Keselamatan Dalam Negeri | |
| SA07A | Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat | $2,346,560.00 |
| SA08A | Radio Televisyen Brunei | $42,599,080.00 |
| SA09A | Jabatan Penerangan | $6,363,550.00 |
| SA10A | Jabatan Perkhidmatan Awam | $27,251,610.00 |
| SA11A | Jabatan Perkhidmatan Pengurusan | $2,264,720.00 |
| SA12A | Polis Diraja Brunei | |
| SA14A | Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | $4,788,070.00 |
| SA15A | Jabatan Tenaga dan Perindustrian | $13,578,970.00 |
| SA16A | Jabatan Mufti Kerajaan | $5,504,720.00 |
| SA17A | Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi | $8,081,060.00 |
| SA18A | Bahagian Undang-Undang | $676,040.00 |
| SA20A | Jabatan Percetakan Kerajaan | $8,419,310.00 |
| SA21A | Pejabat Peguam Negara | $10,621,440.00 |
| SA22A | Jabatan Kehakiman Negara | $8,808,240.00 |
| SA23A | Pusat Kebangsaan E-Kerajaan | $35,848,870.00 |
| SA24A | Jabatan Perkhidmatan Elektrik | $129,882,760.00 |
| SA25A | Jabatan Penyelidikan Brunei, Jabatan Perdana Menteri | |
| | **KEMENTERIAN PERTAHANAN** | |
| SB01A | Jabatan Kementerian Pertahanan | |
| SB04A | Jabatan Menteri Pertahanan dan Jabatanarah Perancangan Strategik | |
| | **KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN** | |
| SC01A | Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan | $107,692,930.00 |
| | **KEMENTERIAN KEWANGAN** | |
| SD01A | Jabatan Kementerian Kewangan | $14,530,170.00 |
| SD03A | Jabatan Kastam dan Eksais Diraja | $12,381,090.00 |
| SD05A | Jabatan Perbendaharaan | $22,592,110.00 |
| SD08A | Perkhidmatan Rampaian HMSF | |
| SD09A | Perkhidmatan Rampaian | $549,043,577.00 |
| | **KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI** | |
| SE01A | Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri | $9,099,625.00 |
| SE02A | Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan | $19,331,910.00 |
| SE03A | Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria | $6,968,770.00 |
| SE04A | Lembaga Bandaran Tutong | $2,228,710.00 |
| SE05A | Jabatan Buruh | $5,720,430.00 |
| SE06A | Pejabat Daerah Brunei dan Muara | $11,996,380.00 |
| SE07A | Pejabat Daerah Belait | $4,261,360.00 |
| SE08A | Pejabat Daerah Tutong | $4,627,175.00 |
| SE09A | Pejabat Daerah Temburong | $4,472,280.00 |
| SE10A | Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan | $19,874,835.00 |
| SE11A | Jabatan Penjara | $11,623,380.00 |
| SE12A | Jabatan Bomba dan Penyelamat | $33,334,010.00 |

| *Tajuk* | *Gelaran* | *Jumlah yang diperuntukkan* |
|---|---|---|
| | **KEMENTERIAN PENDIDIKAN** | |
| SF01A | Kementerian Pendidikan | $666,577,470.00 |
| | **KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** | |
| SH01A | Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan | $7,415,860.00 |
| SH02A | Jabatan Perhutanan | $7,064,800.00 |
| SH03A | Jabatan Perikanan | $7,478,990.00 |
| SH04A | Jabatan Pertanian dan Agrimakanan | $28,107,450.00 |
| SH06A | Jabatan Kemajuan Pelancongan | $1,474,800.00 |
| | **KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA** | |
| SJ01A | Kementerian Hal Ehwal Ugama | $235,997,730.00 |
| | **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN** | |
| SK01A | Jabatan Kementerian Pembangunan | $10,136,630.00 |
| SK02A | Jabatan Kemajuan Perumahan | $13,677,110.00 |
| SK03A | Jabatan Kerja Raya | $136,380,670.00 |
| SK04A | Jabatan Perancang Bandar dan Desa | $3,991,660.00 |
| SK06A | Jabatan Tanah | $11,382,970.00 |
| SK07A | Jabatan Ukur | $13,731,130.00 |
| SK08A | Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi | $14,129,110.00 |
| | **KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** | |
| SL01A | Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan | $15,385,430.00 |
| SL02A | Dewan Bahasa dan Pustaka | $11,506,260.00 |
| SL03A | Jabatan Belia dan Sukan | $18,279,380.00 |
| SL04A | Muzium-Muzium | $9,050,190.00 |
| SL05A | Pusat Sejarah | $3,982,460.00 |
| SL06A | Jabatan Pembangunan Masyarakat | $14,232,750.00 |
| | **KEMENTERIAN KESIHATAN** | |
| SM01A | Kementerian Kesihatan | $316,113,440.00 |
| | **KEMENTERIAN PERHUBUNGAN** | |
| SN01A | Jabatan Kementerian Perhubungan | $6,449,480.00 |
| SN02A | Jabatan Laut | $4,635,720.00 |
| SN03A | Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan | $14,506,540.00 |
| SN04A | Jabatan Penerbangan Awam | $21,489,680.00 |
| SN05A | Jabatan Pengangkutan Darat | $7,736,660.00 |
| SN06A | Jabatan Perkhidmatan Pos | $9,589,790.00 |
| SN08A | Jabatan Kajicuaca | $3,439,040.00 |
| | **KEMAJUAN** | |
| SP01A | Kemajuan | $1,000,000,000.00 |
| | | $4,600,000,000.00 |

# Doa dan amalan ketika hujan

**KELUARAN KEDUA**




### Doa Ketika Mendengar Guruh Dan Petir

**KETIKA** mendengar bunyi guruh dan petir, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diriwayatkan membaca doa di bawah ini :

اللَّهُمَّ لَا تَقْتُلْنَا بِغَضَبِكَ وَلَا تُهْلِكْنَا بِعَذَابِكَ وَعَافِنَا قَبْلَ ذَلِكَ.

(رواه الترمذي وأحمد)

**Maksudnya :** *"Ya Allah, janganlah Engkau musnahkan kami dengan kemurkaan-Mu, dan janganlah Engkau hancurkan kami dengan azab seksa-Mu, dan sebelum itu berilah kami keampunan."*

(Hadis riwayat at-Tirmizi dan Ahmad)

Abdullah bin az-Zubair *Radhiallahuanhuma* pula apabila mendengar guruh, beliau akan berhenti berkata-kata lalu membaca :

سُبْحَانَ الَّذِي يُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ.

(رواه مالك)

**Maksudnya :** *"Maha suci (Allah) yang mana guruh bertasbih dengan memuji-Nya dan malaikat-malaikat (bertasbih) kerana takut kepada-Nya."*

(Hadis riwayat Malik)

Ibnu 'Abbas *Radhiallahuanhuma* pula apabila mendengar guruh, beliau membaca :

سُبْحَانَ الَّذِي سَبَّحْتَ لَهُ.

(رواه البخاري في الأدب المفرد)

**Maksudnya :** *"Maha suci (Allah) yang engkau (guruh) telah bertasbih kepada-Nya."*

(Hadis riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad)

### Doa Dan Amalan Ketika Hujan Turun

Ketika hujan turun, sunat menimpakan sedikit bahagian badan supaya terkena air hujan sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah, ini adalah bagi mengambil berkat kerana hujan yang turun itu baru sahaja diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Walau bagaimanapun, hendaklah berhati-hati supaya tidak tersingkap anggota aurat ketika melakukan tuntutan ini.

Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radhiallahuanhu* di mana beliau berkata:

**Maksudnya :** *"Kami ditimpa hujan sewaktu bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Lantas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyingkap pakaian Baginda sehingga (sebahagian) badan Baginda ditimpa air hujan. Lalu kami pun bertanya : "Wahai Rasulullah, untuk apa Tuan lakukan ini?" Baginda menjawab : "Kerana sesungguhnya hujan ini baru saja diciptakan oleh Tuhan-Nya (Allah) Ta'ala."*

(Hadis riwayat Muslim)

Selain tuntutan di atas, disunatkan juga untuk membaca doa berikut ketika turun hujan :

اللَّهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا.

(رواه البخاري)

**Maksudnya :** *"Ya Allah, jadikanlah ia hujan yang bermanfaat."*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Di samping itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga mengucapkan ' رَحْمَةٌ ' apabila melihat hujan.

Ini sepertimana hadits riwayat 'Aisyah *Radhiallahuanha*, katanya :

**Maksudnya :** *"... Dan apabila Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam melihat hujan, Baginda mengucapkan : Rahmah."*

(Hadis riwayat Muslim)

Sekiranya hujan menjadi lebat dan dikhuatiri mendatangkan mudharat, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan doa berikut :

اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا، اللَّهُمَّ عَلَى الْآكَامِ وَالظِّرَابِ وَبُطُونِ الْأَوْدِيَةِ وَمَنَابِتِ الشَّجَرِ.

(رواه البخاري ومسلم)

*sekitar kami, dan bukan di atas kami. Ya Allah turunkanlah hujan di dataran tinggi, anak bukit, lembah-lembah dan di tempat tumbuhnya pepohonan."*

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Setelah hujan reda pula, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan bacaan berikut sebagai pengiktirafan seorang hamba bahawa hujan itu diturunkan semata-mata dengan rahmat dan kurniaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala :

مُطِرْنَا بِفَضْلِ اللهِ وَرَحْمَتِهِ.

(رواه البخاري ومسلم)

**Maksudnya :** *"Kami diberikan hujan atas kurniaan Allah serta rahmat-Nya."*

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

### Memperbanyakkan doa ketika hujan

Satu perkara yang mungkin kurang diketahui umum ialah waktu hujan pada hakikatnya merupakan salah satu waktu yang sangat dianjurkan untuk memperbanyakkan doa. Mohonlah sebanyaknya apa sahaja hajat dan doa kebaikan dunia dan akhirat ketika itu. Ini kerana waktu hujan merupakan salah satu waktu mustajab untuk berdoa.

Ini ada disebutkan oleh Imam asy-Syafi'e Rahimahullah dalam kitabnya al-'Umm :

**Ertinya :** *"Dan aku telah menghafal daripada ramai guru supaya mencari waktu dikabulkan doa ketika hujan turun dan ketika iqamah sembahyang."*

Demikian beberapa doa serta amalan yang sunat dilakukan ketika hujan sepertimana yang diajarkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta beberapa sahabat Baginda. Selayaknya segala tuntutan tersebut dijadikan amalan bukan semata-mata untuk memohon keselamatan dan perlindungan daripada segala kemungkinan, bahkan juga untuk meraih pahala kerana *iqtida'* (mengikut) sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta para sahabat Baginda.

# Taubat

**TAUBAT** ialah menyesali dan meninggalkan perbuatan dosa yang telah dikerjakan dan berazam untuk tidak akan berbuat dosa lagi dan seterusnya kembali ke jalan Allah.

Taubat itu bermula dengan penyesalan, iaitu menyesal dan mengetahui bahawa maksiat yang telah dilakukan itu sangat memberi mudarat pada agama di dunia dan di akhirat serta dosa yang telah dilakukan selama ini telah menjadi pendinding di antara seseorang dengan Allah. Keinsafan terhadap dosa yang telah dilakukan itu menjadikan diri seseorang itu menyesal dan meninggalkan maksiat serta berusaha untuk tidak melakukannya lagi. Dia kembali kepada Allah dengan harapan Allah akan mengampuninya dan akan membersihkan dirinya dari dosa yang telah dilakukannya dan tidak akan diazab di akhriat nanti. Di samping itu, ia berharap semoga ia akan lebih dekat dengan Allah dan diredai serta mendapat rahmat-Nya di akhirat nanti.

Menurut Imam al-Ghazali taubat itu terbahagi kepada tiga, iaitu :

- Taubat kerana dosa zahir seperti berzina, mencuri, membunuh orang dan sebagainya.
- Taubat kerana dosa-dosa batin seperti dengki, takabbur, 'ujub dan sebagainya.
- Taubat dari kelalaian mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Taubat inilah yang sering dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, para salihin dan siddiqin yang sentiasa mengingati Allah.

Bertaubat adalah wajib ke atas tiap-tiap orang yang mengerjakan maksiat, seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nur, ayat 31 yang tafsirnya :

*"Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman, mudah-mudahan kamu beroleh kemenangan."*

Wajib bertaubat pada tiap-tiap masa kerana setiap manusia tidak sunyi dari perbuatan dosa sama ada dosa zahir seperti yang dilakukan oleh anggota badan dan dosa batin, iaitu dosa dalam hati seperti lalai dari mengingati Allah.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Tahriim, ayat 8 yang tafsirnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan taubat nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai."*

Antara perkara-perkara yang mendorong supaya seseorang itu bertaubat kepada Allah ialah :

- Mengingatkan bahawa maksiat dan dosa yang dilakukannya itu sangat keji dan jahat serta mendatangkan kecelakaan dan kebinasaan.
- Mengingatkan bahawa azab Allah itu sangatlah berat dan sangatlah pedih dan ia tidak bertanggung akan azab itu.
- Mengingatkan bahawa ia adalah manusia yang sangat lemah dan tidak mempunyai sebarang kekuatan atau kuasa untuk menolak azab Allah itu.

Kelebihan orang yang bertaubat itu akan dikasihi oleh Allah sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Baqarah, ayat 222 yang tafsirnya :

*"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang yang sentiasa mensucikan diri."*

Imam Ibnu Majah telah meriwayatkan daripada Abi 'Ubaidah bin Abdullah dari Abih, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

*"Orang yang bertaubat daripada dosa adalah seperti orang yang tidak berdosa".*

Dengan bertaubat itu akan dapat mendekatkan diri seseorang kepada Allah, di samping mencapai kesempurnaan ibadat serta membawa kemenangan dunia dan akhirat.

Syarat-syarat untuk taubat itu ada tiga perkara, iaitu :

- Hendaklah ia meninggalkan perbuatan maksiat dan perbuatan dosa.
- Hendaklah ia menyesali dirinya kerana telah melakukan perbuatan-perbuatan maksiat dan perbuatan-perbuatan dosa.
- Hendaklah ia berazam dengan bersungguh-sungguh bahawa ia tidak akan kembali lagi melakukan perbuatan maksiat dan perbuatan dosa itu untuk selama-lamanya.

Jika dosanya itu di antara sesama manusia, maka hendaklah ditambah syarat




keempat, iaitu :

- Ia hendaklah mengembalikan hak orang yang dizaliminya atau ia minta halalkan perkara yang berkenaan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Maa'idah, ayat 39 yang tafsirnya :

*"Maka sesiapa yang bertaubat sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri, maka sesungguhya Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".*

**WAJIB bertaubat pada tiap-tiap masa kerana setiap manusia tidak sunyi dari perbuatan dosa sama ada dosa zahir seperti yang dilakukan oleh anggota badan dan dosa batin, iaitu dosa dalam hati seperti lalai dari mengingati Allah.**

# Melayu Islam Beraja diketengahkan ke arena antarabangsa

**Oleh : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong**
**Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja**




MAJLIS penyampaian sijil penyertaan oleh pengerusi seminar.

**BAGI** menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan pada hari Khamis, 11 Rabiulakhir 1437 Hijrah bersamaan 21 Januari 2016 Masihi yang antara menitahkan bahawa Melayu Islam Beraja (MIB) bukan ditahan-tahan untuk dalam negara sahaja, tetapi juga untuk dibawa keluar. 'Bertolak dari MIB inilah kita akan menghulur tangan kepada semua orang untuk bersahabat dan berbaik-baik dengan mereka siapa jua. Kita mesti tunjukkan kepada dunia akan keluhuran MIB itu bukan menapuknya'. Maka dalam hal ini selaras dengan tugas dan peranan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB, pihak penulis telah menyahut undangan rasmi untuk membentang Kertas Kerja Perdana dalam Seminar Antarabangsa ASBAM Ke-5 (Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya Ke-5) yang berlangsung di Ujung Pandang Makassar, Indonesia pada 21 - 22 Syawal 1437H bersamaan 26 - 27 Julai 2016M. Seminar ini dianjurkan oleh Fakulti Ilmu Budaya, Universiti Hasanuddin, Makassar dengan kerjasama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dan Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia bagi kali yang ke-5. Sebanyak 153 buah kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar dua hari yang diwakili oleh peserta dari Indonesia, Malaysia, Thailand, Kemboja, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Negara Brunei Darussalam (NBD). Lebih kurang 200 perserta telah menghadiri seminar tersebut yang berlangsung di Karebosi Condotel Hotel, Ujung Pandang, Makassar.

Bagi NBD, pembentangan kertas kerja oleh penulis sendiri yang bertajuk MIB : Perspektif Sejarah adalah salah satu daripada lima kertas kerja utama yang disampaikan pada hari pertama. Antara lain kandungan kertas kerja ini adalah mengenai kewujudan NBD dari sudut sejarah dengan berasaskan pada bukti-bukti penemuan arkeologi, sejarah, serta budaya dan bahan manuskrip lama yang menjadi warisan bangsa Brunei. Kertas kerja ini cuba menonjolkan kepentingan sejarah sebagai sumber rujukan bagi membuktikan kewujudan negara MIB yang menjadi warisan bangsa Brunei.

Sejarah adalah penting dalam proses pembinaan dan pembangunan negara bangsa. Justeru, setiap masyarakat perlu mengekalkan dan memelihara nilai-nilai sejarah dalam usaha untuk mengukuhkan semangat kebangsaan atau jati diri bagi memastikan kesinambungan sesebuah negara itu. Dalam hal ini, bagi NBD, fakta sejarah bahkan bukti arkeologi dan bahan artifak lama merupakan sumber penting sebagai sandaran dan rujukan mengenai kewujudan ketamadunan bangsa Brunei sejak lebih 600 tahun yang lalu. Perkara ini perlu diketahui dan dijelaskan kepada generasi baharu yang menjadi pewaris bangsa Brunei masa akan datang supaya tradisi ini tidak lagi dipersoalkan dan disembaranakan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat yang terdiri dari bangsa yang berbagai agama dan keturunan amat penting dalam kehidupan era globalisasi masa kini supaya tidak berlakunya perbelahan, pergeseran dan perpecahan yang membawa pada kehancuran kehidupan masyarakat dan kemantapan politik dalam negeri. Dalam hal ini, bagi NBD nilai-nilai yang terdapat dalam falsafah negara MIB adalah inti utama yang menjadi dasar serta polisi kerajaan bagi mewujudkan kemakmuran dan kedamaian dalam kehidupan bermasyarakat. Semua ini berdasarkan pada fakta sejarah yang menjadi sandaran untuk perpaduan. Oleh itu, sejarah itu adalah guru untuk manusia terus bergerak maju ke hadapan, tetapi perlu juga menoleh ke belakang supaya tidak terpesong jalan dalam menuju ke arah matlamat yang hendak dicapai.

Kita yakin bahawa kemakmuran serta kesejahteraan sepanjang 49 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertakhta atas singgahsana adalah kerana kelangsungan amalan nilai-nilai MIB yang merupakan warisan tradisi yang dipraktikkan sehingga ke hari ini. Lantaran itu, berdasarkan rentetan sejarah yang dilalui oleh warga Brunei sejak masa lampau telah meyakinkan kita untuk terus memelihara nilai-nilai tradisi ini bagi mempertahankan kedaulatan negara dalam mencapai Wawasan Negara 2035.

Sebagai rakyat dan penduduk NBD, kita menyedari pada hakikatnya bahawa nilai-nilai MIB itu adalah benteng pertahanan yang perlu dikekalkan dan dikukuhkan lagi dalam menghadapi arus kemodenan tanpa batasan yang patut kita kongsi samakan dan sebarkan kepada masyarakat luar sebagaimana yang telah dititahkan. Dengan penglibatan kita semasa perbincangan dan pertemuan akademik dalam seminar antarabangsa seperti ini kita berharap akan mewujudkan kesefahaman dan mengeratkan hubungan persahabatan bukan sahaja di antara masyarakat Brunei dengan masyarakat luar seperti ASEAN bahkan juga akan dapat terus mempertahankan warisan bangsa Melayu Nusantara dalam era globalisasi yang penuh cabaran ini.

Ternyata dalam kalangan peserta seminar yang hadir, ada di antara mereka yang berminat untuk mengetahui lebih mendalam lagi tentang NBD terutama sekali mengenai cara hidup masyarakat Brunei yang berfalsafahkan MIB. NBD boleh dikatakan sebagai sebuah negara contoh yang masih mengamalkan pemerintahan tradisi bangsa Melayu Nusantara, iaitu sistem pemerintahan beraja berkuasa mutlak. Kita juga dapat membuktikan pada dunia bahawa sistem ini masih relevan dan sesuai bagi mewujudkan kedamaian, kemakmuran dan kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduknya. Warisan sejarah ini hendaklah kita kekalkan untuk dijadikan ristaan dan rujukan sebagai satu sandaran dalam menegakkan kewujudan sebuah negara berdaulat dan merdeka. Cara hidup MIB yang menjadi warisan dan identiti bangsa Brunei ini adalah asas perpaduan dan penyatuan hidup berbangsa dan bernegara. Oleh itu, selaras dengan Permasyhuran Kemerdekaan NBD pada 27 Rabiulawal 1404H bersamaan 1 Januari 1984M, maka adalah menjadi kewajipan setiap rakyat dan penduduk NBD untuk mengekalkan *survival* negara dengan mengamal dan menghayati nilai-nilai MIB dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara bagi memastikan *survival* negara MIB.

Sebagaimana kata Profesor Drs. Burhanuddin Arfah selaku salah seorang pembentang Kertas Kerja Perdana dari Indonesia bahawa di Makassar mereka hanya dapat mengekalkan nama pemimpin kebangsaan yang telah berjuang untuk menegakkan identiti dan sistem politik beraja, iaitu Sultan Hasanuddin yang menjadi kemegahan rakyat dan penduduk Makassar yang hanya dapat dikekalkan melalui penamaan nama tempat seperti Bandara (Lapangan Terbang) Hasanuddin, di Ujung Pandang) dan Universiti Hasanuddin untuk membangkitkan semangat patriotik pada bangsa dan negaranya. Menurut beliau perjuangan dan kepimpinan Sultan Hasanuddin patut diajar dan dididik kepada generasi baharu penduduk Makassar supaya semangat jati diri dan kebangsaan itu terus mengalir dalam sanubari mereka kerana beliau hanya satu-satu sultan di Indonesia yang terakhir yang mahu menegakkan sistem beraja apabila negara Republik Indonesia diperkenalkan oleh Presiden Sukarno pada tahun 1945.

Alhamdulillah, kita bersyukur pada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dalam era globalisasi masa kini memandangkan jumlah dan bilangan negara-negara yang mengamalkan sistem politik beraja telah semakin berkurangan namun bagi kita di NBD akan tetap mempertahankan dan mengekalkan warisan tradisi ini sebagai sumber kesejahteraan dan kemakmuran kehidupan rakyat. Malah warisan tradisi ini adalah menjadi identiti dan jati diri bangsa Brunei yang menjadi simbol dan warisan Melayu Brunei bahkan bangsa Melayu di Nusantara.

***PERPADUAN dan keharmonian hidup bermasyarakat yang terdiri dari bangsa yang berbagai agama dan keturunan amat penting dalam kehidupan era globalisasi masa kini supaya tidak berlakunya perbelahan, pergeseran dan perpecahan yang membawa pada kehancuran kehidupan masyarakat dan kemantapan politik dalam negeri. Dalam hal ini, bagi Negara Brunei Darussalam nilai-nilai yang terdapat dalam falsafah negara Melayu Islam Beraja adalah inti utama yang menjadi dasar serta polisi kerajaan bagi mewujudkan kemakmuran dan kedamaian dalam kehidupan bermasyarakat.***



ANTARA peserta yang menghadiri pembentangan Kertas Kerja Perdana pada hari pertama.

# Sambutan Hari Air Sedunia diraikan

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Mac. - Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Air Sedunia (United Nations-Water) 2017 anjuran Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Jabatan Perkhidmatan Air diadakan di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku wakil peribadi Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah disusuli dengan Sembahyang Sunat Hajat, kemudian diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Imam Masjid Ash-Shaliheen dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis turut diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Ismuhadi bin Abdullah, bertajuk 'Jimat Air Amalan Mulia' yang menekankan dan meningkatkan perihal kesedaran juga amalan berjimat cermat dalam menggunakan air serta mengelakkan pembaziran dari sudut pandangan Islam.

Hari Air Sedunia disambut di negara ini sebagai satu cara untuk menumpukan perhatian mengenai kepentingan air dan menyokong dalam pengurusan sumber air yang mampan.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (tiga, kanan) hadir selaku wakil peribadi Menteri Pembangunan pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Air Sedunia 2017.

Ia adalah hari untuk kita memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kesedaran mengenai sumber air dalam kegunaan harian kita.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd. Razak, Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai di bawah Kementerian Pembangunan, pegawai-pegawai serta kakitangan JKR dan juga orang ramai.



ANTARA pegawai dan kakitangan yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Air Sedunia 2017 bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

# China CRESDA kongsi data penderiaan jauh

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Seramai empat perwakilan profesional dari China Center for Resource Satellite Data and Application (CRESDA) telah membuat lawatan kerja ke Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.

Rombongan tersebut diketuai oleh Timbalan Pengarah China CRESDA, Profesor Wang Bing Bing.

Pemangku Jurukur Agung, Jabatan Ukur, Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kasim mengalu-alukan kehadiran wakil profesional tersebut dan menghargai usaha mereka untuk melawat ke Jabatan Ukur.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Ukur, China CRESDA merupakan sebuah institusi yang telah ditubuhkan sejak tahun 1991.

Institusi berkenaan bertanggung-jawab di dalam pengurusan operasi dan kajian saintifik berkaitan dengan data satelit, di bawah pengawasan National Development and Reform Commission (NDRC).

Manakala pengurusan pentadbiran adalah di bawah tanggungjawab China Aerospace Science and Technology Corporation (CASC).

Ia juga bertanggungjawab dalam membina sistem bawah tanah berskala besar bagi memperoleh, memproses, menyimpan dan mengedar data satelit *remote sensing*.

Lawatan kerja itu bertujuan untuk membincangkan kerjasama kedua belah pihak mengenai perkongsian data penderiaan jauh (*remote sensing*) dan aplikasinya.

Timbalan Pengarah China CRESDA, Profesor Wang Bing Bing menyatakan setakat ini institusi berkenaan telah melancarkan 15 buah satelit bagi kerja-kerja memperoleh, memproses, menyimpan dan mengedar data penderiaan jauh kepada agensi-agensi luar negara.

Institusi berkenaan juga memberikan latihan teknikal kepada pegawai dan kakitangan dalam bidang berkaitan dengan penderiaan jauh.

Hadir pada perjumpaan tersebut ialah Pemangku Timbalan Juruukur Agung dan beberapa pegawai kanan di Jabatan Ukur.



ROMBONGAN perwakilan profesional dari China Center for Resource Satellite Data and Application (CRESDA) semasa membuat lawatan kerja ke Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.

# Ambil langkah keselamatan semasa cuti persekolahan

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Bersempena musim Cuti Persekolahan Pertama Tahun 2017, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengingatkan orang ramai supaya berwaspada dan mengambil langkah-langkah keselamatan yang bersesuaian semasa musim cuti ini.

PDB dalam siaran akhbarnya menasihatkan orang ramai supaya lebih berjaga-jaga dan meningkatkan lagi langkah-langkah keselamatan terutama sekali semasa hendak meninggalkan rumah.

Balai-balai Polis atau Pos-Pos Polis yang berdekatan hendaklah dimaklumkan tentang tarikh pemergian bagi tujuan pemantauan dan rondaan semasa rumah tersebut ditinggalkan.

Pada masa yang sama, penghulu dan ketua kampung di kampung berkenaan hendaklah dimaklumkan bagi sama-sama mematai dan mengelakkan kejadian pecah rumah berlaku di rumah yang tidak berpenghuni.

Pagar, pintu dan jendela rumah hendaklah sentiasa dipastikan tertutup dan berkunci dengan kunci yang kukuh. Jangan membiarkan barang-barang berharga ditinggalkan di luar kawasan rumah yang boleh menjadi daya tarikan kepada penjenayah. Segala wang, barang-barang kemas dan barang-barang bernilai hendaklah disimpan di tempat-tempat yang difikirkan selamat dan mudah diketahui.

Bagi mereka yang berhasrat hendak keluar negara adalah dinasihatkan supaya memaklumkan kepada keluarga terdekat atau jiran yang berhampiran untuk memata-matai rumah dan sekitar kawasan luar rumah.

Lampu di luar rumah seboleh-bolehnya hendaklah dinyala-kan pada waktu malam terutama sekali di tempat-tempat yang senang dilihat.

Sementara itu, ibu bapa dan penjaga kanak-kanak juga dinasihatkan supaya sentiasa memantau pergerakan anak-anak mereka dan jangan membiarkan anak-anak mereka balik lewat malam selain memastikan mereka tidak berkumpul di kawasan-kawasan awam atau lepak sepanjang malam dan terlibat dengan aktiviti jenayah dan aktiviti sosial yang tidak sihat.

Aktiviti kanak-kanak hendaklah sentiasa diambil perhatian yang tegas dan diikuti dari semasa ke semasa terutama bagi mereka yang selalu melayari internet kerana dikhuatiri akan melayari laman-laman sesawang yang berunsur negatif yang akan melibatkan mereka pada aktiviti kurang sihat dan masalah sosial.

Jika ternampak perkara yang mencurigakan, orang ramai diseru untuk memaklumkan dengan segera kepada pihak polis atau pihak-pihak berkenaan seperti penghulu atau ketua kampung bagi membolehkan tindakan seterusnya oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk memastikan enjin kereta dimatikan dan dikunci semasa meninggalkan kereta semasa berada di kedai atau meninggalkan kereta untuk seketika bagi mengelakkan berlakunya kecurian kereta.

PDB menggesa orang ramai supaya melaporkan dengan segera ke talian kecemasan 993 atau menghubungi balai-balai polis yang berdekatan.

Maklumat yang diberikan akan membantu pihak polis dalam menangani jenayah yang mungkin akan berlaku terhadap keluarga mereka, jiran dan orang lain.

# Kepentingan sosial ekonomi dan alam sekitar perlu seimbang

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 21 Mac. - Tema Hari Hutan Antarabangsa 2017 mengetengahkan peranan hutan yang berupaya menghasilkan kitaran tenaga yang menyumbang pada perkhidmatan ekosistem seperti penghasilan sumber makanan dan perubatan, kesinambungan di dalam iklim dan kitaran air.

Di samping keseimbangan ekosistem alam secara menyeluruh serta faedah-faedah lain yang boleh diperoleh dari kitaran tenaga yang terhasil sudah pasti tidak terkecuali betapa pentingnya nilai-nilai pembelajaran dan penyelidikan kepada manusia.

Pemangku Pengarah Perhutanan, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim berkata, kecanggihan tinggi teknologi moden pada masa kini, di mana peluang untuk penghasilan produk-produk adalah lebih cerah dan meluas bagi memanfaatkan sumber-sumber hutan yang secara tidak langsung boleh membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha untuk meneroka dan berkecimpung di dalam sektor perhutanan seperti kaedah mengguna pakai bahan-bahan kayu sebagai bahan tenaga alternatif yang lebih mesra alam dan berdaya tahan.

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **BARANG BINTI KALUN** pusaka yang dipunyai oleh **KUDA BIN GUNDI** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 127/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAMSAH BINTI HAJI HAMDI** pusaka yang dipunyai oleh **KAMIS BIN MAHAL** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 03/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MUHAMMAD FAIZAN BIN MUHAMMAD AZMAN** pusaka yang dipunyai oleh **MUHAMMAD AZMAN BIN ABDULLAH @ SIGI BIN KANYONG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 18/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LEE YUN HIN** pusaka yang dipunyai oleh **LEE YUN CHOI** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ABANG** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 19/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LEE PICK NYUK** pusaka yang dipunyai oleh **CHANG KONG KHIONG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 20/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **VOON YUN MIN** pusaka yang dipunyai oleh **VOON SIEW HUP** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 22/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **CHANG NGEE CHOO** pusaka yang dipunyai oleh **CHANG KONG KHIONG** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 23/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MUHAMMAD SHAH HAFIY AIMAN BIN ABDULLAH SHANANG @ SHAZRUL SHAH** pusaka yang dipunyai oleh **NUR SYASA ARDINI BINTI MUHAMMAD SAIDIN @ NORLIDA BINTI SIKAL** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 24/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **TUTI ISLATINA BINTI SULAIMAN** pusaka yang dipunyai oleh **SABIL BIN HAJI MOHAMMAD YASSIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 25/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SITI NORAZIAH BINTI ABDULLAH @ NORMADIAH BINTI GANDOK** pusaka yang dipunyai oleh **TAN KIM KIAW** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **IBU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 28/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **CHONG VUI JIN (M/S. MCSK ADVOCATES & SOLICITORS)** pusaka yang dipunyai oleh **ANNY BINTI ARBI** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **-** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA : KB/LA/NO. 29/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORIDAH BINTI SERUJI** pusaka yang dipunyai oleh **YAAKUB BIN MAHMUD** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada **30 MAC 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, KUALA BELAIT** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Mac 2017.

**(PG. SHAHYZUL KHAIRUDDIEN BIN PG. ABDUL RAHMAN)**
**Timbalan Pegawai Waris**
**Kuala Belait**
**Negara Brunei Darussalam.**

# MAP PGGMB Ke-67 pada 21 Mei

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

**TUTONG,** Selasa, 21 Mac. - Mesyuarat Agung Perwakilan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (MAP PGGMB) Ke-67 Tahun 2016 - 2017 yang diadakan membincangkan persediaan-persediaan awal termasuk susunan atur cara mesyuarat, tempat dan lantikan-lantikan jawatankuasa yang mengambil tempat di sebuah restoran di Kampung Keriam, di sini.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Antin bin Ahad.

Hadir sama, Naib Yang Dipertua, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PGGMB daerah tersebut dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB.

Dalam ucapan Yang Dipertua PGGMB melahirkan penghargaan khususnya kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir di kawasan-kawasan Daerah Tutong kerana kesediaan untuk menjadi tuan rumah pada MAP PGGMB Ke-67.

Jelasnya, kerjasama daripada semua Ahli PGGMB di daerah itu adalah diperlukan untuk sama-sama melaksanakan tanggungjawab masing-masing untuk menjayakan mesyuarat berkenaan nanti.

Ahli-ahli perwakilan yang dilantik dari seluruh negara akan menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan tersebut yang buat pertama kalinya diadakan di Daerah Tutong pada 21 Mei akan datang.

Jumlah keseluruhan ahli perwakilan yang dijangka hadir ialah lebih 300 orang.

PGGMB juga mengalu-alukan dan menjemput sama guru-guru, khusnya di daerah itu yang bukan terdiri daripada Ahli-ahli PGGMB termasuk guru-guru besar sekolah, untuk sama-sama hadir pada Majlis Pembukan Rasmi mesyuarat pada hari tersebut.

MAP PGGMB julung kalinya akan diadakan di luar dari Daerah Brunei dan Muara, manakala Mesyuarat Ke-68 Tahun 2017 - 2018 pula telah dirancang untuk diadakan di Daerah Belait.

Ia bertujuan untuk mengeratkan lagi kerjasama Ahli-ahli PGGMB di setiap daerah, di samping mewujudkan keyakinan dalam kalangan pemimpin-pemimpin yang dilantik untuk sama-sama memainkan peranan dan tanggung-jawab dalam memajukan PGGMB dalam semua bidang.



MESYUARAT dipengerusikan oleh Yang Dipertua Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, Awang Haji Antin bin Ahad (tengah).

# TelBru perkenal Pelan Tanpa Had



TELBRU telah memperkenalkan siri Pelan Tanpa Had bagi pengguna aplikasi mudah alih popular WhatsApp dan Instagram.

Siaran Akhbar dan Foto : TelBru

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 21 Mac. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) telah menambah portfolio Unlimited Pass dengan pengenalan terkini untuk menyediakan khusus untuk pengguna yang kerap menggunakan aplikasi mudah alih popular WhatsApp dan Instagram.

Terbaharu dalam siri Pelan Tanpa Had ialah kejayaan pelancaran Facebook Tanpa Had pada November tahun lepas, perkhidmatan tambahan itu untuk *cross-platform* WhatsApp dan aplikasi mudah alih perkongsian foto Instagram juga menjurus ke arah mengurangkan rasa kebimbangan lebih penggunaan kuota jalur lebar dan pada masa yang sama memastikan pelanggan TelBru bahawa syarikat tersebut akan terus mengambil langkah-langkah proaktif ke arah menyediakan perkhidmatan yang berterusan selaras dengan peningkatan permintaan untuk data.

Sama seperti Pelan Facebook Tanpa Had TelBru yang membolehkan beberapa pengguna melalui rangkaian tunggal, pelan-pelan baharu juga akan menyediakan memuat naik yang tidak terhad dan aktiviti memuat turun termasuk tidak terhad kepada panggilan, video, imej, dokumen, video dan suara, yang mengekalkan pelan jalur lebar pelanggan itu kuota kecuali seorang pengguna dari aplikasi ini dan kepada hubungan pihak ketiga.

Para pelanggan, kedua-dua kediaman dan perniagaan pelanggan, yang ingin mendapatkan perkhidmatan ini tanpa sebarang kos pendaftaran tambahan boleh berbuat demikian atas mana-mana kaunter TelBru di empat daerah untuk kadar bulanan rata sebanyak BND4.00 setiap pelan yang akan dimasukkan dalam bil bulanan pelanggan.

Untuk maklumat lanjut, hubungi Pusat Panggilan TelBru melalui talian 111 atau melalui mana-mana platform media sosial TelBru.

# Sidang Kemuncak CEO penanda aras pemimpin inovasi

Siaran Akhbar dan Foto : CONFEX

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 21 Mac. - Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Brunei 2017 'Memimpin Masa Depan Brunei : Inovasi Ekonomi' anjuran CONFEX akan diadakan pada 10 Mei di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Eksekutif C-suite di seluruh negara adalah dipelawa untuk menghadiri sidang kemuncak tersebut untuk menggalakkan inovasi dan mewujudkan persekitaran, yang penting untuk menampung ekonomi digital yang cepat berkembang. Syarikat-syarikat juga digalakkan untuk mengongsikan pandangan dan idea-idea yang mampu menampilkan potensi mereka untuk mencipta masa depan yang mampan.

Menurut Siaran Akhbar CONFEX, sesi soal jawab dan perbincangan interaktif panel akan diadakan secara serentak, di mana acara tersebut akan dijadikan sebagai penanda aras bagi para pencari perniagaan dan inovasi.

Sidang kemuncak tersebut juga meliputi satu lingkungan luas bagi penceramah-penceramah profesional terdiri daripada para ahli strategi yang terkenal serta peniaga-peniaga usaha sendiri.

Ketua Pegawai Eksekutif iFlix, Malaysia, Azran Osman Rani akan membincangkan mengenai 'Building Disruptive Businesses and Scaling Up'; Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Syarikat Exabytes, Chan Kee Siak akan bawa tajuk perbualan berkaitan dengan 'Mapping Custom er's Experience through Technology Investment'; 'Strannovation', satu rangka kerja yang digunakan oleh UCSI Consulting Group pula akan dikongsikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif UCSI Consulting Group, Raj Kumar pada sidang berkenaan.

Tempat duduk bagi sidang kemuncak tersebut adalah terhad kepada 100 peserta, yang mana CONFEX akan memberikan diskaun khas kepada peserta yang awal dengan rebat BND400 bagi yuran penyertaan sebelum 10 April.

Para peserta juga digalakkan untuk membuat pembelian secara berkumpulan (dua atau lebih peserta) bagi memperoleh potongan harga yang menarik.

Untuk makluman lebih lanjut atau pendaftaran bagi Sidang Kemuncak CEO boleh menghubungi +673 265 1155 atau e-mel *register@confex-mice.com.*






# Derma darah tanggungjawab sosial

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Selasa, 21 Mac. - Menderma darah merupakan amalan berkebajikan yang dapat membantu mereka yang memerlukan, di samping memperoleh banyak faedah kepada penderma dari segi kesihatan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengadakan Kempen Derma Darah yang berlangsung di Dewan Ujian, Tingkat 2, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, di sini.

Kempen yang bertujuan bagi menggalakkan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat, di samping meningkatkan kesedaran tentang manfaat menderma darah terhadap tubuh badan dan kesihatan penderma telah bermula sejak jam 9.00 pagi.

Sehingga kira-kira jam 10.30 pagi kempen tersebut yang juga merupakan aktiviti tahunan jabatan tersebut telah berjaya mengutip sebanyak 14 pek darah.

Menurut pihak penganjur kempen seumpama itu nerupakan aktiviti tahunan jabatan tersebut dan melalui kempen seumpamanya berharap agar warga Perkhidmatan Awam akan terus mengamalkanya sepanjang hayat, di samping bagi menambah stok simpanan darah di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Pada kempen berkenaan beberapa warga Jabatan Perkhidmatan Awam yang ditemui berasa gembira setelah mendermakan darah mereka dan berharap melalui kempen seumpama itu lebih ramai penderma-penderma baharu untuk tampil menderma.



PARA penderma darah semasa menjalani proses menderma darah yang dipantau oleh pegawai dan kakitangan dari Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

# Tokoh sastera dan sasterawan mentor penulis muda



ANTARA jemputan yang hadir pada Majlis Pantaran Sastera 2017 : Santai Puisi sempena Memperingati Hari Puisi Sedunia yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS,** Selasa, 21 Mac. - Peringatan Hari Puisi Sedunia diisytiharkan pada tahun 1999 dengan maksud dan tujuan untuk mendukung gerakan membaca, menulis dan menerbitkan puisi di seluruh dunia.

Pengisytiharannya ditetapkan pada setiap 21 Mac, hasil pemikiran daripada salah sebuah badan dunia di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu UNESCO sebuah lembaga yang menangani hal-hal pendidikan, ilmu pengetahuan dan kebudayaan.

Sempena Memperingati Hari Puisi Sedunia, Negara Brunei Darussalam melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menganjurkan Projek Pantaran Sastera 2017 : Santai Puisi yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP.

Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab dalam ucapannya antara lain menggesa agar para penulis dan pencinta sastera tanah air akan terus giat menghasilkan penulisan kreatif dan non-kreatif.

Jelasnya, sumbangan dan karya mereka ini dalam majalah terbitan DBP telah mewarnai landskap karya sastera tanah air, alunan gelombang dan riak sastera turut dirasakan sehinnga ke tanah besar di seberang laut.

Beliau menambah, sumbangan karya terutama daripada tokoh sastera, sasterawan tanah air amat diperlukan, sebagai mentor kepada penulis muda tanah air yang jumlahnya sekarang makin mekar.

Pada masa ini jelasnya, telah ramai penulis muda lahir dan menghasilkan penulisan di dalam majalah terbitan DBP.

Acara majlis Pantaran Sastera diserikan dengan persembahan deklamasi puisi daripada para penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A Write Award), Kumpulan Putra Seni, termasuk para penulis tanah air dan penggiat seni di negara ini.



PEMANGKU Timbalan Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab semasa menyampaikan ucapan.

# Perkhemahan PIP semai semangat positif pelajar



AHLI Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman semasa menyampaikan sijil kepada peserta Perkhemahan Motivasi Program Intervensi Pendidikan (PIP), YSHHB bagi Tahun 2017.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Perkhemahan Motivasi Program Intervensi Pendidikan (PIP) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Tahun 2017 berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada para peserta perkhemahan yang berlangsung di Dewan Taman Asuhan Kanak-Kanak, Sekolah YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil, ialah Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman.

Seramai 187 pelajar menyertai perkhemahan tersebut yang diharap akan dapat menanam semangat positif dan membangun serta membentuk peserta untuk menjadi seorang yang beriman, berdisiplin, berkeyakinan, bertanggungjawab dan berwibawa.

Komandan perkhemahan berkenaan, Awang Hamnorzekri bin Haji Abdul Hamit dalam temu bual bersama Pelita Brunei berkata, perkhemahan tersebut bertujuan untuk meningkatkan motivasi peserta kem yang terdiri daripada pelajar Tahun 6 dan 11 dari seluruh negara.

Perkhemahan tersebut jelasnya, berlangsung selama tiga hari bermula Sabtu lalu.

Salah seorang peserta Perkhemahan Motivasi PIP, Dayang Elmisya Fatin Syafiqah binti Resni menjelaskan melalui perkhemahan tersebut, beliau mempelajari pentingnya semangat berpasukan, mempunyai sikap jujur dan integriti.

"Kali pertama menyertai perkhemahan ini, ia mendidik saya untuk berdikari kerana berjauhan dari keluarga sepanjang perkhemahan ini diadakan.

Kenangan manis sepanjang berada di dalam perkhemahan ini, saya dapat mengenali kawan baharu dari beberapa buah sekolah," ujarnya melahirkan kegembiraan.



KOMANDAN Perkhemahan PIP, Awang Hamnorzekri bin Haji Abdul Hamit.



PESERTA Perkhemahan Motivasi PIP, Dayang Elmisya Fatin Syafiqah binti Resni.

# Tanamkan semangat dan keyakinan ibu tunggal

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Mac. - Dalam persekitaran yang penuh cabaran ini, tidak dinafikan sebilangan besar individu menghadapi masalah yang tidak dapat dielakkan, iaitu masalah keyakinan diri.

Sehubungan itu, melalui projek meningkatkan keupayaan ibu-ibu tunggal, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengadakan bengkel Transformasi Diri 'Impian Menjadi Nyata' selama dua hari berlangsung di Tingkat 4, Kompleks Bangunan YSHHB di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Penolong Pengarah Urusan III, YSHHB, Dayang Hajah Donnaliza binti Abdullah Puasa.

YSHHB dengan kerjasama rakan-rakan strategik lain, akan melaksanakan fasa-fasa seterusnya yang terkandung di dalam projek ibu tunggal dengan memberikan ibu-ibu tunggal kursus-kursus dan latihan kemahiran yang berpatutan dan sesuai berdasarkan objektif-objektif utama YSHHB dalam mengendalikan projek ini.

Ini merupakan salah satu inisiatif dan usaha berterusan YSHHB bagi memeduli kesejahteraan rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam khususnya golongan ibu-ibu tunggal yang kurang berkemampuan.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh wakil dari AFDAL Training and Consultancy, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah.

Antara tajuk-tajuk yang disampaikan ialah Kepentingan Motivasi, iaitu mengapa perlu untuk memotivasikan diri dan Transformasi Diri dengan Impian, Tujuan, Keyakinan dan Kekuatan.

Bengkel turut menyentuh tanda-tanda motivasi rendah seperti kerja yang sentiasa tidak memuaskan, merungut, menyalahkan orang lain, pergeseran di antara keluarga, terlalu emosi, rasa rendah diri dan sentiasa melayani perasaan.

Projek ibu tunggal ini dilaksanakan bukan sekadar untuk memberikan ibu-ibu tunggal ini kursus-kursus latihan kemahiran dan bengkel-bengkel yang berkaitan, malah memeduli kualiti kehidupan mereka.

Bengkel dua hari ini bertujuan untuk memberi motivasi diri dan menyuntik semangat, meningkatkan tahap keyakinan diri serta memiliki nilai jati diri yang khusus kepada ibu tunggal.

Oleh itu, adalah dihasratkan agar projek ini nanti akan berhasil membekalkan ibu tunggal dengan kemahiran bekerja bagi membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan perusahaan yang dapat menjana pendapatan untuk keperluan harian keluarga serta menyalurkan kemudahan dalam mempertingkatkan tahap pendidikan agar ibu tunggal dapat menikmati tahap sara diri dan mengurangkan persandaran terhadap bantuan kerajaan atau pihak awam.

Di samping itu, bengkel juga diharap dapat merangsang keyakinan yang tinggi dalam kalangan ibu tunggal agar mereka lebih bermotivasi untuk terus berusaha dan kompetitif dalam pekerjaan dan perusahaan mereka.



SUASANA Bengkel Transformasi Diri 'Impian Menjadi Nyata' yang diadakan di Dewan Serbaguna, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

# Pemenang Minda Pembaca!

## Bersatu padu jayakan Wawasan Negara 2035

NEGARA Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang aman dan damai di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya konsep Negara Zikir, InsyaaAllah negara kita akan sentiasa diberkati dan dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian, dalam menjayakan Wawasan Negara 2035, para belia memainkan peranan yang amat penting bagi merealisasikan hasrat tersebut. Hal ini kerana para belia adalah aset penting negara yang nantinya akan membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang.

Para belia juga perlulah menitikberatkan mengenai agama Islam dalam kehidupan seperti menunaikan solat fardu lima waktu mahupun yang sunat, menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan juga sesama manusia dan sebagainya. Untuk melahirkan generasi yang berwawasan, negara kita bukan hanya perlu berjaya dari segi teknologi, malahan para belia juga perlu turut berjaya dari segi pendidikkan yang berlandaskan Melayu Islam Beraja (MIB) dalam mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, belia juga perlulah meringankan tangan untuk ikut serta dalam melakukan kerja sukarelawan ataupun kerja amal untuk menambahkan lagi prestasi dalam diri setiap individu. Malahan, para belia juga akan mendapatkan menonjolkan keterampilan diri untuk berinteraksi bersama orang lain.

Selain mendapat pengalaman, para belia yang terus giat dan aktif melakukan kerja sedemikian pasti akan terbiasa mempunyai sifat tolong-monolong, bertolak-ansur dan berbudi pekerti yang ramah dalam diri serta bersopan-santun terhadap orang yang lebih tua.

Dengan ini barulah negara kita akan benar-benar berjaya bukan hanya dari segi teknologi, malahan pula dari cara hidup yang kita dijalani di atas keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Jadi marilah kita bekerjasama menjayakan Wawasan Negara 2035 sekali gus menjadi belia yang produktif dengan membawa falsafah MIB dalam kehidupan yang kita jalani.

**Nama : Dayang Siti Nurul Muherah binti Julaihe**
**No. K/P : 01-087084 (K)**
**Alamat : Simpang 260, No. 264A, Kampung Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Aktiviti Bina Jati Diri Bentuk Sahsiah Generasi Muda'.** Tarikh Tutup : **22 Mac 2017**
2. **'Semai Semangat Kesukarelawan Dalam Masyarakat'.** Tarikh Tutup : **29 Mac 2017**
3. **'Usaha-usaha Memelihara Alam Sekitar'.** Tarikh Tutup : **5 April 2017**

**Terma dan Syarat :**
1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00.**

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

# Perpustakaan DBP kendali pelbagai aktiviti cuti persekolahan

**Berita dan Foto :**
**Noraisah Muhammed**

**KUALA BELAIT**, Isnin, 20 Mac. - Bahagian Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan sebuah perpustakaan awam yang berperanan dalam memberikan perkhidmatan yang lengkap dan mencakupi semua bidang ilmu pengetahuan sebagai indung pada perpustakaan-perpustakaan di seluruh daerah.

Perpustakaan merupakan institusi yang berfungsi untuk memperoleh, mengumpul dan memproses ilmu yang terakam dalam pelbagai format secara sistematik supaya mudah dirujuk oleh pengguna.

Sehubungan itu, bagi mengisi masa lapang dan menambah ilmu pengetahuan para pelajar melalui kegiatan luar sekolah pada musim cuti sekolah, Perpustakaan DBP di Pusat Masyarakat Bestari Mukim Liang telah menyusun beberapa kegiatan dan aktiviti seperti lazimnya.

Pelita Brunei telah menemu bual Pembantu Perpustakaan Tingkat II, Pusat Masyarakat Bestari Mukim Liang, Dayang Norhafizah binti Mustaffa dan Dayang Mahani binti Jais menjelaskan, beberapa aktiviti telah dijadualkan sepanjang cuti sekolah, antaranya mewarna, bina kata, menyambung karangan bergambar dan sebagainya.

Menurut Dayang Mahani, aktiviti tersebut disertai oleh pengunjung kanak-kanak dan remaja dengan membuat dan mengikuti pelbagai jenis aktiviti yang telah disediakan, sebelum cuti sekolah bermula katanya, mereka telah menghantar poster dan jadual aktiviti perpustakaan ke sekolah-sekolah berdekatan.

Tambahnya, aktiviti yang diungkayahkan musim cuti penggal itu mendapat sambutan yang menggalakkan serta mendapat perhatian daripada ibu bapa dan ia diharap akan dapat melahirkan idea kreatif dalam kalangan ahli perpustakaan, di samping dapat membudayakan masyarakat yang mesra perpustakaan.

Beliau juga mengalu-alukan kepada suri rumahtangga yang berkelapangan untuk berkunjung ke perpustakaan berkenaan untuk mendapatkan secara pinjam terutama buku-buku resipi, buku tatacara menjahit manik dan novel-novel terkini.

Seorang pengunjung ke perpustakaan pusat berkenaan, Dayang Siti Nuraini binti Kamal, pelajar IBTE Kampus Agroteknologi yang mengambil Jurusan Diploma Agricultural Sains menjelaskan, beliau bersama dua orang anaknya ikut sama berkunjung ke sana untuk tujuan mengikuti aktiviti perpustakaan, di samping membaca dan meminjam buku yang diperlukan.

"Saya berasa selesa dan mudah untuk membuat sebarang rujukan di sini memandangkan saya tidak perlu lagi membuat perjalanan jauh ke Seria atau ke Kuala Belait memandangkan saya tinggal berdekatan dan mudah membawa anak-anak untuk mengikuti aktiviti yang diungkayahkan selain dapat menambah ilmu dengan membaca di sini," ujarnya.

Seluruh perpustakaan di Daerah Belait menjalankan aktiviti cuti sekolah bagi bulan Mac 2017 berjalan lebih kurang seminggu selebihnya perpustakaan akan berjalan seperti biasa.

DBP melalui Bahagian Perpustakaan mempunyai wawasan untuk menjadikan institusi perpustakaan sebagai pusat ilmu pengetahuan, pusat kegiatan berkebajikan bagi segenap golongan masyarakat di negara ini.

Budaya cintakan ilmu dan pembacaan perlu dipupuk dan dipelihara, ke arah itu, institusi perpustakaan telah memainkan peranan dalam usaha membina masyarakat berbudaya ilmu dan membaca kerana ia adalah infrastruktur ilmu yang penting dalam usaha menyalurkan ilmu kepada orang ramai seiring dengan infrastruktur fizikal untuk kemajuan masyarakat yang bakal melahirkan perpustakaan dan pustakawan contoh.

Dalam pada itu, DBP tidak kendur-kendur berusaha mengungkayahkan pelbagai acara dan aktiviti yang menjurus ke arah meningkatkan budaya membaca untuk melahirkan generasi modal insan kelas pertama terutama sekali dalam kalangan tunas bangsa dan muda-mudi.



**DAYANG Siti Nuraini binti Kamal, pelajar IBTE Kampus Agroteknologi yang mengambil Jurusan Diploma Agricultural Sains semasa ditemu bual bersama dua orang anaknya.**

# BIBD terima anugerah berprestij




KETUA Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar ketika menerima anugerah Best Retail Bank di Brunei untuk Tahun 2017 oleh The Asian Banker berlangsung di The Asian Banker's Annual Excellence in Retail Financial Services Convention di Conrad Tokyo, Jepun.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Mac. - Dengan mendapat penilaian A- (Stabil) dari S & P Global, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini telah dianugerahkan Best Retail Bank di Brunei untuk Tahun 2017 oleh The Asian Banker, mengekalkan anugerah yang berprestij bagi rekod lima tahun berturut-turut dari perkhidmatan penyelidikan kewangan, penanda aras dan perunding risikan terkemuka di rantau ini.

Majlis penganugerahan tersebut berlangsung di The Asian Banker's Annual Excellence in Retail Financial Services Convention yang diadakan baru-baru ini di Conrad Tokyo, Jepun.

Hadir untuk menerima anugerah bersejarah ini bagi pihak BIBD ialah Ketua Kumpulan Perbankan Runcit BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd Jaafar.

Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar menjelaskan kemenangan menerima anugerah tersebut, "Alhamdulilah, semua orang di BIBD bersyukur dan menghargai rakyat Brunei Darussalam dalam memastikan BIBD terus menjadi pilihan pertama untuk menyokong mereka mencapai cita-cita.

Pada masa yang sama, kami ingin menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda atas semua kerjasama berterusan mereka untuk bersama-sama, menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara terutamanya di luar sektor minyak dan gas. Kami juga menghargai pengawal selia kami dalam memastikan bahawa institusi kewangan Brunei Darussalam terus diselia di bawah pemikiran ke hadapan dengan dasar-dasar melindungi integriti.

BIBD juga bersyukur dan berbesar hati atas semua usaha telah berakhir dengan keupayaan untuk menyediakan pengalaman perbankan yang terbaik, yang telah membolehkan mereka untuk menerima anugerah runcit yang terbaik untuk tahun kelima berturut-turut."

Asian Banker menyatakan bahawa BIBD telah mendapat pujian yang baik menerusi segmen runcit untuk mendapatkan pelanggan baharu, yang mencerminkan keupayaan baharu pada produk dan perkhidmatan di pelbagai platform yang berbeza. BIBD juga terkenal untuk cawangan pintar yang mencerminkan rangsangan dalam kecekapan, pengedaran rangkaian dan segmentasi strategi untuk skala perniagaannya. Juga menekankan pelaburan bank tersbut pada kakitangannya bagi memacu pertumbuhan perniagaan.

## Bina keyakinan diri menerusi Kem Kitani

Oleh : Khartini Hamir, Nurafizah @ Nurul Shadah Samat
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Mac. - Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menganjurkan Program Motivasi Kem Kitani 'Kejayaan Menerusi Keberkatan' Ke-2.

Program tersebut disertai oleh seramai 63 penuntut dari Tahun 7 - 11 sekolah berkenaan yang mengambil tempat di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah YSHHB, di sini.

Kem Kitani Ke-2 itu merupakan satu pendekatan yang sesuai dalam menyampaikan maklumat-maklumat yang bermakna kepada para pelajar khususnya pelajar-pelajar sekolah berkenaan agar mereka dapat mengimbangi pencapaian dalam bidang akademik serta kokurikulum dengan sumbangan tenaga dan idea dalam menjalankan fungsi mereka sebagai seorang pelajar dan khususnya pemimpin pelajar sekolah tersebut.

Antara tujuan kem berkenaan untuk menanamkan sikap tanggungjawab terhadap diri sendiri, sekolah, agama, bangsa, negara dan keluarga semasa menjalankan tugas masing-masing di sekolah.

Di samping itu, ia juga turut menanamkan sikap positif, meningkatkan kejayaan diri, bekerjasama, bertoleransi, amanah serta bersungguh-sungguh dalam bidang masing-masing dan mempunyai wawasan yang baik.

Melalui penyertaan di kem motivasi berkenaan, para pelajar dapat membina keyakinan diri di tahun ini, bahawa mereka boleh melakukan dan mencapai kejayaan yang lebih baik dari apa yang telah mereka lakukan atau capai setakat ini.



PROGRAM Motivasi Kem Kitani 'Kejayaan Menerusi Keberkatan' Ke-2 disertai oleh seramai 63 penuntut dari Tahun 7 - 11.

## PDB teruskan rondaan cegah kegiatan jenayah

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Rondaan-rondaan pencegahan jenayah oleh Pasukan Polis Diraja Brunei bersama dengan Ahli Pengawasan Kejiranan terus dilaksanakan bagi memastikan tiada kegiatan jenayah berlaku di kawasan-kawasan yang dalam jagaan.

Sehubungan itu, Balai Polis Kampong Ayer bersama Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Lurong Dalam telah mengadakan rondaan pencegahan jenayah di kawasan persekitaran kampung berkenaan pada 19 Mac.

Taklimat sebelum rondaan telah diadakan bertempat di Rumah Ketua Kampung Lurong Dalam, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu.

Rondaan seterusnya dijalankan bersama Ketua Kampung Lurong Dalam dengan Ahli Pengawasan Kejiranan dibantu oleh anggota Balai Polis Kampong Ayer dengan berjalan kaki melalui jambatan di kawasan kampung tersebut.

Sementara itu, Balai Polis Limau Manis bersama Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Pengkalan Batu turut mengadakan rondaan pencegahan jenayah pada 17 Mac lalu bermula jam 11.00 malam hingga 1.00 pagi.

Hadir mengetuai rondaan pencegahan jenayah tersebut ialah Pegawai Menguasa Balai Polis Limau Manis, Inspektor Kanan Polis Abd. Sahrimin bin Abd. Rahman bersama anggota dari Balai Polis Limau Manis.

Turut hadir, ialah Ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Pengkalan Batu yang diketuai oleh Ketua Kampung Pengkalan Batu, Awang Haji Kahar bin Haji Tinggal.

Kawasan rondaan dibuat menggunakan tiga buah kenderaan polis, dengan meronda di pos-pos kawalan di bawah jagaan Balai Polis Limau Manis, membuat pemantauan di Pos Kawalan Bebuloh di hujung Jalan Bebuloh dan pemantauan di Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah dengan berjalan kaki meronda seluruh kawasan letak kereta dan sepanjang jalan menuju Imigresen Kuala Lurah serta seluruh kawasan Mukim Pengkalan Batu.

Tujuan rondaan adalah memastikan kawasan berdekatan sempadan negara tidak mendapati perkara jenayah yang berlaku.

## Mesyuarat bersama pengurus bola jaring



SETIAUSAHA Kehormat, Persatuan Bola Jaring Brunei, Dayang Sabariah binti Haji Kamil Jumat semasa hadir mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Selasa, 21 Mac. - Persatuan Bola Jaring Brunei mengadakan Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3 bagi Tahun 2017, bertempat di Bilik Hijau, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir mempengerusikan mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Kehormat, Persatuan Bola Jaring Brunei, Dayang Sabariah binti Haji Kamel Jumat.

Agenda mesyuarat diisikan dengan Taklimat Kejohanan Bola Jaring SKBD yang disampaikan oleh Pegawai Teknikal, Persatuan Bola Jaring Brunei, Dayang Hajah Normah binti Haji Jumat yang antara lain membincangkan mengenai format perlawanan, warna bib, borang pendaftaran, pegawai teknikal, waktu rehat, peraturan baharu bagi masa kecederaan dan rawatan bagi pemain yang cedera.

Pada acara berkenaan, juga diselajurkan dengan sesi pengundian bagi kumpulan-kumpulan yang bakal bertanding pada kejohanan itu nanti.

## Garis Pandu FinTech Regulatory Sandbox AMBD

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Mac. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerbitkan Garis Pandu FinTech Regulatory Sandbox pada 27 Februari lalu sebagai sebahagian daripada usaha AMBD untuk memodenkan infrastruktur kewangan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Siaran Akhbar Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), ia adalah selaras dengan Pelan Sektor Kewangan (Financial Sector Blueprint) Negara Brunei Darussalam, khususnya bagi menggalakkan pembangunan syarikat-syarikat FinTech dan penggunaan perkhidmatan kewangan moden.

Regulatory Sandbox adalah rangka kerja yang membolehkan pemohon untuk melaksanakan pelan kerja masing-masing dengan sokongan pihak regulatori AMBD dengan peraturan dan had, bagi membendung mana-mana kesan negatif dari kegagalan pelaksanaan pelan kerja.

Di samping itu, rangka kerja berkenaan juga akan menjaga keselamatan dan kestabilan pelanggan serta industri kewangan secara keseluruhan.

Regulatory Support merujuk pada kelonggaran yang boleh diberi atas syarat-syarat dan peraturan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan kewangan serta bimbingan dari pihak AMBD ke arah keperluan ini.

Orang ramai yang berminat boleh menghubungi AMBD melalui Pejabat FinTech AMBD atau memuat turun garis pandu dari laman sesawang AMBD, *http://www.ambd.gov.bn/fintech-office.*

# Enam pasukan bersaing dapatkan pingat emas

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Mac. - Sebanyak enam pasukan telah bersaing dalam acara sukan badminton pada Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3 2017 yang berlangsung di Bangunan Pusat Belia, di ibu negara, di sini.

Dalam perlawanan tersebut, Pasukan Daerah Belait berjaya mengalahkan Pasukan Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad dengan mata 4 - 1.





**ANTARA aksi pasukan yang bersaing pada acara sukan badminton pada Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3, 2017 (atas dan kiri).**

Sementara itu, Pasukan Royal Brunei Airlines berjaya menjinakkan Pasukan Kontinjen Gabungan Syarikat Telekomunikasi Brunei juga dengan mata 4 - 1.

Manakala, Persatuan Bank Brunei berjaya mengalahkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam perlawanan berasingan juga dengan 4 berbalas 1.

# 13 pasukan bakal berentap di Kejohanan Tarik Kalat Tradisi



**SETIAUSAHA Bersama Kejohanan Tarik Kalat Tradisi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam bagi Tahun 2017, Pengiran Haji Bakar bin Pengiran Haji Sulaiman (kanan) dan Pengiran Haji Iskandar bin Pengiran Haji Jadid (kiri) semasa mempengerusikan mesyuarat pengurus pasukan.**

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Mac. - Sebanyak 13 buah pasukan akan berentap di Kejohanan Tarik Kalat Tradisi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam bagi Tahun 2017 kelolaan Persatuan Tarik Kalat Brunei Darussalam.

Perkara tersebut didedahkan semasa mesyuarat pengurus pasukan yang diadakan di Bilik Hijau, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bersama Kejohanan, Pengiran Haji Bakar bin Pengiran Haji Sulaiman dan Pengiran Haji Iskandar bin Pengiran Haji Jadid turut menerangkan mengenai pengendalian kejohanan yang diikuti oleh pengundian tempat bagi pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Kejohanan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A' bagi berat badan 70 kilogram individu seramai 10 penarik berserta dua penarik simpanan, manakala bagi Kategori 'B' adalah bagi berat badan terkumpul 1,100kg bagi 10 penarik.

Sebanyak enam pasukan akan berentap dalam Kategori 'A', iaitu Pasukan Daerah Temburong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB), Institut Pengajian Tinggi, Pasukan Daerah Brunei Muara dan Pasukan Daerah Belait.

Manakala Kategori 'B' akan menyaksikan pasukan-pasukan dari Daerah Belait, MS PDB, Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong, Daerah Temburong, Institut Pengajian Tinggi dan MS ABDB.

Peringkat saringan akan diadakan pada 25 Mac 2017 bertempat di Belapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah bermula jam 3.30 petang dengan perlawanan pertama menyaksikan pertemuan di antara Pasukan Daerah Belait menentang Pasukan MS PDB.

Sementara sesi menyukat berat badan para pasukan akan diadakan pada 24 Mac 2017 bermula jam 8.45 pagi yang diselajurkan dengan sesi bergambar pasukan-pasukan yang menyertai.

Orang ramai dan peminat-peminat sukan tarik kalat tradisi adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan kejohanan berkenaan dan masuk adalah percuma.



**MESYUARAT pengurus pasukan yang diadakan di Bilik Hijau, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.**



ePaper
Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : **www.pelitabrunei.gov.bn**

**TANAMKAN PERASAAN TANGGUNGJAWAB MELINDUNGI SUMBER KHAZANAH HUTAN**


دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.